



WAN JUNAIDI TAMATKAN PENANTIAN 60 TAHUN MA63

KEJAYAAN meminda Perlembagaan Persekutuan pada Disember 2021 ketika Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) bagi mendapatkan pengiktirafan Perlembagaan Persekutuan Malaysia terhadap MA63 selepas Pindaan Undang-Undang Perlembagaan 2021 diwartakan pada 11 Februari 2022. Dengan itu, segala hak serta tuntutan Sarawak dan Sabah menjadi sebahagian Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan tidak boleh dinafikan oleh mana-mana pihak termasuk Kerajaan Persekutuan. Langkah ini diambil bagi memperbetul kekhilafan dalam Perlembagaan selama hampir 60 tahun sejak 1963. Pengiktirafan tersebut sekali gus mengukuhkan lagi kedudukan Sarawak dan Sabah dalam membuat tuntutan di bawah MA63. Ikuti temu bual khas SUARA SARAWAK dengan susuk hebat ini mengenai perjalanannya menuntut hak negeri-negeri Borneo di halaman:

» 6

| Foto RAMIDI SUBARI

Pesta Tatau tampil 40 acara menarik



CALVIN mempengerusikan Mesyuarat Penyelaras Penganjuran Pesta Tatau 2025 di Bilik Mesyuarat Pejabat Daerah Tatau.

BINTULU: Pesta Tatau 2025 bakal menampilkan lebih 40 acara menarik sepanjang 17 hari penganjurannya bermula 29 Ogos hingga 14 September ini di Taman Komuniti Sungai Jatan, Tatau.

Pegawai Daerah Tatau, Calvin Ligong Endawie berkata, pesta berasaskan komuniti itu bukan sahaja bertujuan memupuk perpaduan dan semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, malah memperkasakan sektor pelancongan dan ekonomi tempatan.

"Pesta ini merupakan platform

untuk kita mengetengahkan keunikan budaya serta adat resam pelbagai kaum di Daerah Tatau selain mempromosikan daerah ini sebagai destinasi pelancongan yang berpotensi tinggi," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika mempengerusikan Mesyuarat Penyelaras Penganjuran Pesta Tatau 2025 di Bilik Mesyuarat Pejabat Daerah Tatau.

Menurut Calvin, mesyuarat turut meneliti aspek penting penganjuran seperti logistik, keselamatan, pengurusan acara, pelibatan komuniti

dan promosi, agar pelaksanaan pesta berjalan lancar dan teratur.

"Majlis pelancaran rasmi Pesta Tatau 2025 dijadualkan pada 5 September dan dijangka menarik kehadiran ribuan pengunjung dari dalam dan luar daerah," katanya.

Tambah beliau lagi, sokongan berterusan daripada pelbagai agensi kerajaan dan masyarakat setempat amat penting bagi memastikan pesta ini terus berkembang sebagai acara tahunan berimpak tinggi di wilayah tengah Sarawak.

Rafizi bawa naratif berat sebelah

| **NURHAUNI LEE ABDULLAH**
suarasarawak.news@gmail.com

SIBU: Ketua Pemuda Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Kaunselor Kevin Lau Kor Jie kecewa terhadap kenyataan bekas Menteri Ekonomi Datuk Seri Mohd Rafizi Ramli, yang didakwa membawa naratif berat sebelah berhubung tuntutan hak minyak dan gas Sarawak.

Menurut Kevin Lau, tindakan Rafizi menggambarkan seolah-olah tuntutan Sarawak akan membebaskan negara dengan menurunkan sumbangan PETRONAS kepada perbendaharaan negara adalah satu pendekatan yang tidak adil dan mengelirukan rakyat.

"Ia sangat mengecewakan apabila seorang tokoh yang pernah disanjung sebagai pemikir strategik dan intelektual kini memilih untuk mempertahankan status quo tanpa mempertimbangkan semangat asal Perjanjian Malaysia 1963 (MA63)," katanya semalam.

Kevin Lau menegaskan tuntutan Sarawak bukanlah satu bentuk

penentangan terhadap Kerajaan Persekutuan, sebaliknya usaha untuk mendapatkan semula hak yang termaktub sejak pembentukan Malaysia.

"Sarawak tidak menuntut lebih daripada yang sepatutnya. Kita hanya mahu dihormati sebagai rakan kongsi dalam pembentukan negara ini. Apa yang dituntut adalah keadilan, bukan keistimewaan," jelas beliau.

Tambahnya lagi, Sarawak telah lama terpinggir dalam aspek pembangunan infrastruktur dan ekonomi.

Beliau memetik projek Lebuhraya Pan Borneo sebagai contoh jelas ketidakseimbangan pembangunan antara Semenanjung dan Sarawak.

"Kita lihat sendiri bagaimana Pan Borneo masih jauh ketinggalan berbanding rangkaian lebuhraya di Semenanjung. Ini bukan perkara baru, tetapi gambaran jelas bahawa Sarawak selama ini tidak diberikan keutamaan yang sewajarnya," tegas Kevin Lau.

Beliau turut menyentuh soal kekayaan sumber asli Sarawak, khususnya minyak dan gas, yang menurutnya tidak pernah diimbangi

dengan pengagihan hasil yang adil.

"Mengakui kekayaan sumber Sarawak tanpa komitmen terhadap pengagihan yang adil hanyalah pengakuan kosong. Ia tidak membawa makna jika Sarawak terus dianaktirikan," ujarnya.

Beliau turut mengesa agar pemimpin persekutuan, khususnya dari Semenanjung melihat isu ini dengan pandangan yang lebih terbuka serta memahami sentimen rakyat Sarawak yang sekian lama merasakan hak mereka dinafikan.

"Laut China Selatan mungkin memisahkan kita secara geografi, tetapi tidak seharusnya menjadi tembok dalam pemikiran dan kefahaman politik.

"Jika benar kita mahu membina Malaysia yang bersatu dan adil, maka suara Sarawak perlu didengar dan dihormati," katanya lagi.

Kevin Lau menegaskan, kekuatan Sarawak adalah kekuatan Malaysia, dan selagi hak negeri ini tidak diiktiraf sepenuhnya, impian sebuah Malaysia yang inklusif dan adil masih belum menjadi kenyataan.

WAKTU SOLAT NEGERI SARAWAK

	Imsak	Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
ZON 1	4:56 am	5:06 am	6:17 am	12:28 pm	3:46 pm	6:36 pm	7:48 pm
ZON 2	5:01 am	5:11 am	6:22 am	12:32 pm	3:51 pm	6:39 pm	7:51 pm
ZON 3	5:06 am	5:16 am	6:27 am	12:36 pm	3:55 pm	6:41 pm	7:53 pm
ZON 4	5:11 am	5:21 am	6:32 am	12:40 pm	4:00 pm	6:46 pm	7:58 pm
ZON 5	5:13 am	5:23 am	6:34 am	12:42 pm	4:02 pm	6:47 pm	7:59 pm
ZON 6	5:14 am	5:24 am	6:35 am	12:43 pm	4:03 pm	6:47 pm	7:59 pm
ZON 7	5:17 am	5:27 am	6:38 am	12:45 pm	4:05 pm	6:49 pm	8:01 pm
ZON 8	5:20 am	5:30 am	6:41 am	12:48 pm	4:08 pm	6:53 pm	8:04 pm
ZON KHAS	4:53 am	5:03 am	6:14 am	12:25 pm	3:44 pm	6:33 pm	7:46 pm

ZON 1: Limbang, Sundar, Trusan, Lawas

ZON 2: Niah, Bekenu, Miri, Sibuti, Marudi, Belaga

ZON 3: Tatau, Kuala Tatau, Sebauh, Bintulu

ZON 4: Igan, Oya, Balingian, Kapit, Mukah, Dalat, Sibui, Kanowit, Song

ZON 5: Belawai, Matu, Daro, Sarikei, Julau, Bintangor, Rajang, Tanjung Manis

ZON 6: Kabong, Lingga, Sri Aman, Engkelili, Betong, Spaoh, Pusa, Saratok, Roban, Debak

ZON 7: Samarahan, Simunjan, Serian, Sebuyau, Meludam

ZON 8: Kuching, Lundu, Bau, Sematan

ZON KHAS: Kg Ulu Merapok, Kg Sungai Merapok, Kg Manchu, Kg Bukit Puan, Kg Tanah Sibagol, Kg Undop, Kg Sasa, Kg Bukit Manang, Kg Merambai, Kg Limpaki, Merapok, Kg Bangkakan, Kg Ladang Lalang, Kg Lempaki Tengah, Kg Lempaki Asal, Kg Languban dan Kg Patarikan

*Disediakan oleh Bahagian Falak
Jabatan Mufti Negeri Sarawak*

sarawak energy

NOTIS GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK

KAPIT

Dimaklumkan bahawa kawasan berikut akan mengalami gangguan bekalan elektrik pada waktu yang dinyatakan di bawah:

Kawasan terlibat

- | | |
|-------------------------------|--|
| 1. Along Jalan Selirk | 7. SK Ng Mujong |
| 2. Part of Jalan Ulu Sg Kapit | 8. TELCO Tower (Jln Selirik-Ng Mujong) |
| 3. Jalan Baleh until Selaut | 9. Bawai / Song Logging |
| 4. Jalan Melekun | 10. Batu Bansu |
| 5. Jalan Mujong | 11. Pulau Pisang & Ng Tulie |
| 6. SK Bawai | |

Tarikh: 9 Ogos 2025, Sabtu
Masa: 8.30 pg Hingga 5.00ptg

Gangguan ini adalah untuk membolehkan kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan.

Sekiranya keadaan cuaca tidak mengizinkan, kerja-kerja tersebut akan ditangguhkan ke tarikh dan masa yang akan dimaklumkan.

Segala kesulitan yang timbul amat dikesali, dan pihak kami akan berusaha untuk memulihkan bekalan elektrik dengan secepat mungkin.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 1300-88-3111 (24 jam)

PENGURUS
OPERASI GRID LUAR BANDAR

Syarikat SESCO Berhad (672931-A)
A Subsidiary of Sarawak Energy Berhad

JUMAAT | 8 Ogos 2025 | 14 Safar 1447H


Denmark teroka kerjasama strategik dengan Sarawak

KUCHING: Denmark bersedia meneroka kerjasama strategik dengan Sarawak dalam bidang teknologi hijau, pendidikan, aeroangkasa dan kecerdasan buatan (AI) sebagai usaha memperkukuh hubungan dua hala.

Duta Besar Denmark ke Malaysia Kirstine Vangkilde Berner berkata, Denmark amat teruja untuk memperkukuhkan lagi kerjasama dua hala dengan Sarawak, khususnya dalam bidang teknologi hijau, selari dengan komitmen negeri ini terhadap agenda peralihan tenaga dan pembangunan mampan.

"Kami mempunyai kedudukan kukuh di Denmark melalui syarikat-syarikat kami yang berpengalaman luas dan mempunyai tradisi lama dalam teknologi hijau daripada hidrogen hijau, bahan api penerbangan mampan (SAF) hinggalah ke teknologi penangkapan karbon.

"Kami memahami keseluruhan



ABANG Johari merakam gambar dengan delegasi Denmark di Kompleks Satria Pertiwi, di Kuching, semalam.

rantaian nilai dalam industri ini dan percaya terdapat potensi besar untuk dimanfaatkan bersama.

"Maka, kami sangat teruja dapat berada di sini dan berharap kerjasama ini dapat dilanjutkan serta diperkukuh," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas melakukan kunjungan hormat kepada Premier Datuk Patinggi Tan

Sri Abang Johari Tun Openg di Kompleks Satria Pertiwi, di sini, semalam.

Tambahnya, pendidikan turut menjadi antara bidang utama yang dibincangkan, dengan Denmark menyatakan kesediaan menyokong aspirasi dan pelan pendidikan Sarawak.

Kirstine memaklumkan, Denmark juga berminat untuk meneroka peluang dalam bidang aeroangkasa dan AI yang kini menjadi pemacu utama pembangunan ekonomi global.

Dalam pertemuan itu, Kirstine turut menyampaikan jemputan rasmi kepada Abang Johari untuk melawat Denmark, sebagai satu lagi langkah memperkukuhkan hubungan dua hala dan memantapkan lagi potensi kerjasama yang telah dikenal pasti.

Turut hadir mengiringi ialah Pengarah Pejabat Wilayah Sarawak di Kementerian Luar Negeri Fenny Nuli.


KUCHING: Kerajaan Sarawak memberi sokongan penuh kepada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menubuhkan Kursi Endowmen Penyelidikan yang dijangka memperkukuh ekosistem penyelidikan dan melonjakkan kedudukannya ke persada antarabangsa.

Naib Canselor UNIMAS, Profesor Dr. Ahmad Hata Rasit berkata, Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg telah menyatakan persetujuan untuk mewujudkan Kursi Endowmen Penyelidikan bagi tiga bidang utama iaitu Biodiversiti Nexus, Kejuruteraan Bioperubatan dan Bioinovasi serta Sejarah Sarawak.

"Kita akan berbincang lebih lanjut dengan Abang Johari untuk membantu meningkatkan penyelidikan UNIMAS agar universiti ini terus memperkukuh kedudukannya di peringkat antarabangsa, selaras dengan harapan beliau untuk melihat UNIMAS muncul sebagai universiti bertaraf global.

"Insya-Allah kita membuat perjumpaan tadi (semalam) dan Kerajaan Sarawak akan memberi sedikit dana untuk melonjakkan kita ke peringkat antarabangsa," katanya selepas kunjungan hormat terhadap Premier di Kompleks Satria Pertiwi, di sini,

Kerajaan sokong UNIMAS tubuh kursi penyelidikan



ABANG Johari menerima kunjungan hormat daripada UNIMAS di Kompleks Satria Pertiwi, di Kuching, semalam.

semalam.

Menurutnya, penubuhan Kursi Endowmen Penyelidikan itu turut merangkumi cadangan penubuhan sebuah institut baharu berkonsepkan global, futuristik dan transdisiplin.

Sementara itu, mengenai

usaha penubuhan Fakulti Undang-Undang UNIMAS, Hata berkata, ia dalam peringkat pertimbangan Kerajaan Persekutuan.

"Permohonan penubuhan fakulti itu telah sampai ke Kementerian Pendidikan Tinggi

untuk pertimbangan.

"Dalam masa yang sama ia memerlukan surat sokongan daripada Kerajaan Sarawak, untuk kelulusan jemaah menteri," jelasnya.

Pihaknya memaklumkan Abang Johari mengenai

peningkatan ketara kedudukan universiti itu dalam penarafan *Times Higher Education* (THE) yang berjaya melonjak daripada kedudukan 401 pada tahun 2023 ke kelompok 101-200 pada tahun ini.

Beliau menjelaskan Majlis Konvokesyen UNIMAS akan berlangsung dari 3 hingga 6 November ini dan Abang Johari selaku Pro-Canselor UNIMAS dijadual hadir pada 4 November untuk meraikan graduan.

Dalam pada itu, kunjungan hormat berkenaan diketuai Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS Tan Sri Datuk Seri Panglima Sulong Matjeraie.

Turut hadir dalam kunjungan hormat itu Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Profesor Dr Fitri Suraya Mohamad Hapni Joblie, Penolong Naib Canselor Profesor Madya Ts Noraziah Datuk Abdul Wahab, Ketua Pegawai Digital Profesor Dr Wan Hashim Wan Ibrahim serta Pengarah Bahagian Endowmen dan Wakaf Dayang Nor Hajjah Awang Daud.

Motivasi buat anak Sarawak

AARON NICHOLS

Pelatih UKM

KUCHING: Seramai 42,000 pelajar negeri ini institusi pengajian tinggi menerima Bantuan Khas Kewangan (BKK) berjumlah RM1,200 seorang secara berperingkat-peringkat bermula 30 Julai lalu yang melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM50.4 juta.

Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg ketika mengumumkan bantuan itu tidak lama dulu berkata, langkah ini diambil sebagai satu bentuk penghargaan dan motivasi buat anak Sarawak untuk terus belajar bersungguh-sungguh selain sebagai sokongan kewangan.

Anjeli Mill, 23, pelajar Universiti Malaya menyifatkan bantuan pelajaran yang diterima amat membantu belanja harian terutamanya untuk pengangkutan dan makanan.

"Saya akan gunakan bantuan ini bagi tujuan pembelajaran," katanya dan menambah, proses permohonan masih memerlukan penambahbaikan kerana rumit dan banyak bergantung kepada dokumen fizikal serta pengesahan daripada pihak ketiga.

Menurutnya, keutamaan seharusnya diberikan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah dahulu terutamanya berasal dari luar bandar.

Anjeli turut mencadangkan memperluas bantuan dalam bentuk kemudahan akses Internet, program mentor industri serta bantuan geran penyelidikan bagi pelajar berpotensi.

Manakala Joyce Ann, 23, pelajar UNIMAS yang sedang dalam tempoh latihan industri turut tampil berkongsi pandangan.

"Bantuan kewangan ini sangat penting terutama kepada pelajar yang memerlukan untuk menampung kos berkaitan pembelajaran,

"Saya kini sedang menjalani latihan industri tanpa sebarang pendapatan. Walaupun keluarga membantu, saya masih perlu berjimat agar dapat terus menyempurnakan tempoh latihan ini," ujarnya.

Tambahnya, kehadiran bantuan tersebut sekurang-kurangnya mengurangkan beban dan kerisauan pelajar seperti dirinya yang perlu berbelanja secara berhemah.

Bagi Iven Vaston, 23, yang merupakan pelajar semester akhir UiTM, bantuan tersebut digunakan untuk menampung kos penyelidikan serta komitmen lain termasuk yuran pengajian dan yuran asrama.


"Permohonan bantuan



ANJELLI MILL ESENG

memerlukan dokumen lengkap dan ketelitian tinggi, namun saya faham kerana perlu dilakukan bagi mengelakkan salah guna, cuma masih ramai rakan pelajar saya lain yang belum menerima bantuan tersebut," katanya

Iven turut menyarankan agar bantuan komputer riba yang sebelum ini diberikan kepada pelajar tahun pertama diperluas kepada pelajar tahun pengajian lain memandangkan ramai yang mengalami masalah kerosakan



JOYCE ANN

pada peranti mereka.

Sementara itu Isaac Alston, 24, pelajar UPSI berkata, bantuan ini membuka peluang kepada mahasiswa daripada keluarga yang kurang berkemampuan untuk lebih fokus terhadap pelajaran tanpa perlu terlalu memikirkan soal kewangan.

Beliau berpandangan Kerajaan Sarawak boleh mempertimbang bentuk bantuan lain seperti pusat pembelajaran 24 jam, diskaun pengangkutan awam serta



IVEN VASTON

program pembangunan kerjaya dan latihan industri.

Isaac juga mencadangkan agar kerajaan menyediakan skim jaminan pekerjaan pascagraduan sebagai langkah jangka panjang yang mampu memberi motivasi dan semangat kepada pelajar.

Diharapkan agar langkah baik seperti BKK ini tetap diteruskan pada masa yang akan datang demi masa depan pendidikan anak negeri Sarawak yang sejahtera.



ISAAC ALSTON

- Empat puluh dua
- ribu pelajar negeri
- ini institusi pengajian
- tinggi menerima
- Bantuan Khas
- Kewangan berjumlah
- RM1,200 seorang
- secara berperingkat-
- peringkat



NOTIS GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK SARIKEI

Dimaklumkan bahawa kawasan berikut akan mengalami gangguan bekalan elektrik pada waktu yang dinyatakan di bawah:

Kawasan terlibat:

- | | |
|---------------------------------|--------------------------------|
| 1. Akademi Memandu Ing | 13. Zhong Jing Rd |
| 2. SMK Tinggi | 14. Sacofa Tower Upper Repok |
| 3. Old Repok Rd | 15. Yein Sung Methodist Church |
| 4. Sing Hua | 16. Kong Ming Rd |
| 5. Ching San Rd | 17. SJK Su Kwong |
| 6. Alostar Bellian Timber Yard | 18. Swimming Pool Sarikei |
| 7. Hung Kiew Rd | 19. JPI Sarikei |
| 8. Seng Kin Sarawak Sdn Bhd | 20. Tong Tat Hing Rd |
| 9. Perfect Fit Engineering Work | 21. Yih Ding Rong Cafe |
| 10. Part of Kwong Ming | 22. Upper Repok from Sarikei |
| 11. Full Gospel Church | Kong Fock Cemetery to |
| 12. Kong Lok Rd | Soon Chung |

Tarikh: 9 Ogos 2025, Sabtu
Masa: 9.00pg Hingga 5.00ptg

Gangguan ini adalah untuk membolehkan kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan.

Sekiranya keadaan cuaca tidak mengizinkan, kerja-kerja tersebut akan ditangguhkan ke tarikh dan masa yang akan dimaklumkan.

Segala kesulitan yang timbul amat dikesali, dan pihak kami akan berusaha untuk memulihkan bekalan elektrik dengan secepat mungkin.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 1300-88-3111 (24 jam)

PENGURUS WILAYAH
WILAYAH TENGAH

Syarikat SESCO Berhad 200401034422 (672931-A)
A Subsidiary of Sarawak Energy Berhad



NOTIS GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK SARIKEI

Dimaklumkan bahawa kawasan berikut akan mengalami gangguan bekalan elektrik pada waktu yang dinyatakan di bawah:

Kawasan terlibat:

- | | |
|---|---------------------------------|
| 1. Jalan Sengkung | 11. SJK Su Hing |
| 2. Jalan Merudu | 12. Unity Methodist Church |
| 3. Part of individual house at Jalan Merudu | 13. Jalan Pandan |
| 4. Riverview Garden | 14. SJK Su Lok |
| 5. Wong's Furniture | 15. Merudu Station |
| 6. Hua Soon Seng Furniture | 16. SACOFA Tower at Merudu area |
| 7. Kiong Hung Factory | 17. Jalan Poh Ling |
| 8. Jalan Kilang Bata | 18. Jalan Sung Ho Ping |
| 9. Wee Hung Hii Factory | 19. Tokong Sing Hing King |
| 10. Jalan Nipah | 20. Part Off Jalan Sirih |

Tarikh: 9 Ogos 2025, Sabtu
Masa: 8:30pg ke 5:30ptg

Gangguan ini adalah untuk membolehkan kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan.

Sekiranya keadaan cuaca tidak mengizinkan, kerja-kerja tersebut akan ditangguhkan ke tarikh dan masa yang akan dimaklumkan.

Segala kesulitan yang timbul amat dikesali, dan pihak kami akan berusaha untuk memulihkan bekalan elektrik dengan secepat mungkin.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 1300-88-3111 (24 jam)

PENGURUS WILAYAH
WILAYAH TENGAH

Syarikat SESCO Berhad 200401034422 (672931-A)
A Subsidiary of Sarawak Energy Berhad

JUMAAT | 8 Ogos 2025 | 14 Safar 1447H

Segerakan pembinaan laluan pintas Serikin

| SITI NURAIN RATANI
suarasarawak.news@gmail.com

KUCHING: Pembinaan laluan pintasan ke Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Serikin perlu disegerakan bagi menjamin keselamatan penduduk apabila kompleks itu mula beroperasi kelak.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Henry Harry Jinep berkata, laluan sedia ada yang melalui kawasan kampung dan pasar sempadan tidak lagi sesuai digunakan apabila aliran trafik meningkat selepas ICQS siap sepenuhnya. "Kita tidak boleh terus guna jalan yang ada sekarang sebab melalui kawasan rumah penduduk.

"Keadaan akan jadi sesak dan boleh jejas keselamatan

serta keselesaan mereka," katanya ketika ditemu bual Suara Sarawak, semalam.

Tambah Henry yang juga ADUN Tasik Biru, terdapat perancangan pembinaan laluan baharu itu dan tanah bagi tujuan itu juga telah diperoleh.

"Jalan yang dirancang itu adalah jalan pintasan terus ke ICQS tanpa mengganggu laluan utama kampung," jelasnya.

Mengenai impak pembangunan ICQS terhadap Pasar Serikin, Henry menjelaskan jumlah peniaga dijangka terus meningkat tanpa had khusus, selagi mereka mematuhi peraturan yang ditetapkan pihak berkuasa tempatan.

"Kita tidak akan hadkan, lagi banyak peniaga, lebih baik dan akan menyumbang ekonomi kedua-dua negeri dan negara," katanya.

"Jalan yang dirancang itu adalah jalan pintasan terus ke ICQS Serikin tanpa mengganggu laluan utama kampung."



HENRY HARRY JINEP



NOTIS GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK

MIRI

Dimaklumkan bahawa kawasan berikut akan mengalami gangguan bekalan elektrik pada waktu yang dinyatakan di bawah:

Kawasan terlibat:

- | | |
|-----------------|--------------------------|
| 1. Kpg Raan, | 7. Kpg Sewak Jaya, |
| 2. Kpg Nelayan, | 8. Beraya Lama, |
| 3. Kpg Bakam, | 9. Beraya Family Resort, |
| 4. SK Bakam, | 10. Jalan pesisir pantai |
| 5. Sg Jankang, | Beraya dan kawasan |
| 6. Sewak Jaya, | berdekatan. |

Tarikh: 9 Ogos 2025, Sabtu

Masa: 8:00 pg - 5:00 ptg

Gangguan ini adalah untuk membolehkan kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan.

Sekiranya keadaan cuaca tidak mengizinkan, kerja-kerja tersebut akan ditangguhkan ke tarikh dan masa yang akan dimaklumkan.

Segala kesulitan yang timbul amat dikesali, dan pihak kami akan berusaha untuk memulihkan bekalan elektrik dengan secepat mungkin.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian
1300-88-3111 (24 jam)

**PENGURUS WILAYAH
WILAYAH UTARA**

Syarikat SESCO Berhad (672931-A)
A Subsidiary of Sarawak Energy Berhad

Ganti penutup lubang rosak

SIBU: Tinjauan menyeluruh dalam mengenal pasti serta menggantikan penutup lubang periksa yang hilang atau rosak harus segera dilaksanakan bagi menjamin keselamatan awam.

Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Michael Tiang Ming Tee berkata demikian susulan tragedi menyayat hati melibatkan seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun yang maut selepas terjatuh ke dalam lubang pembetulan terbuka di Jalan Wong Soon Kai.

Beliau menzahirkan ucapan takziah dan simpati kepada keluarga mangsa serta menyifatkan insiden itu sebagai satu tragedi yang amat menyedihkan dan tidak sepatutnya berlaku.

"Tragedi ini menonjolkan isu keselamatan awam yang telah lama wujud. Sama ada infrastruktur ini di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan atau agensi persekutuan seperti Jabatan Kerja Raya, tindakan proaktif mesti diambil segera," katanya.

Beliau yang juga ADUN Pelawan berkata demikian dalam sidang media di Pusat Khidmat DUN Pelawan, di sini.

Justeru, beliau menggesa agar Majlis Perbandaran Sibu, JKR Bahagian Sibu dan Jabatan Pengairan dan Saliran Sibu segera menjalankan tinjauan menyeluruh

di kawasan masing-masing.

Menurutnya, beliau telah menghubungi Pengerusi MPS, Jurutera Bahagian JKR Sibu, serta jurutera JPS Sibu untuk memohon perhatian segera dan tindakan bersepadu bagi menangani isu tersebut.

"Saya turut menggesa Polis Diraja Malaysia agar mengambil tindakan tegas terhadap individu yang terlibat dalam kecurian dan perdagangan haram logam sekerap, termasuk penutup lubang periksa.

"Tindakan tidak bertanggungjawab ini membahayakan nyawa orang awam dan perlu dihentikan dengan segera," tegasnya.

Dalam kenyataannya, beliau juga menekankan keselamatan kawasan bandar dan pekan adalah tanggungjawab bersama semua pihak, lebih-lebih lagi dalam usaha melindungi golongan kanak-kanak.

"Kita mesti menjadikan peristiwa ini sebagai titik tolak untuk memperkukuh langkah berjaga-jaga dan meningkatkan kerjasama antara semua pihak bagi mengelakkan tragedi seperti ini berulang," ujarnya.

Insiden ini menjadi peringatan kepada semua pihak agar lebih peka terhadap aspek keselamatan awam dan keperluan mendesak untuk memantau serta menyelenggara infrastruktur asas di kawasan tumpuan awam.

JKR Sarawak tersenarai dalam anugerah Bentley

KUCHING: Jabatan Kerja Raya Sarawak melakar sejarah tersendiri apabila menjadi satu-satunya agensi dari Malaysia yang disenaraikan sebagai finalis dalam Anugerah

Melangkah Digital Sistem Bentley 2025.

Pengarahnya Dr Cassidy Morris menyifatkan pencalonan itu sebagai bukti komitmen jabatan dalam menerajui pembangunan infrastruktur bertaraf dunia melalui pendekatan digital.

"Saya amat berbangga dengan usaha gigih seluruh pasukan JKR yang bukan sahaja mengangkat keupayaan negeri, malah membawa nama Malaysia ke pentas antarabangsa," katanya dalam satu kenyataan semalam.



DR CASSIDY MORRIS

Finalis dijadual membentangkan projek masing-masing pada Persidangan *Year in Infrastructure* di Amsterdam manakala pemenang akan diumumkan pada 16 Oktober 2025.

Anugerah berprestij itu mengiktiraf kecemerlangan inovasi digital dalam bidang infrastruktur di peringkat global.

JKR Sarawak dicalonkan menerusi Projek Jalan Perhubungan Sarawak-Sabah Fasa 2 di bawah kategori jalan raya dan lebuh raya.

Ia hasil gabungan penggunaan teknologi terkini termasuk Kecerdasan Buatan (AI) dan kembar digital serta kerjasama erat antara kontraktor dengan perunding tempatan.

Anugerah tahunan itu menerima hampir 250 pencalonan dari 47 negara di seluruh dunia namun, hanya projek terbaik yang menunjukkan transformasi digital secara menyeluruh dipilih sebagai finalis.

Wan Junaidi tamatkan penantian 60 tahun MA63

| NICK FLETCHER &
SITI NURAIN RATANI
suarasarawak.news@gmail.com

KUCHING: Kejayaan meminda Perlembagaan Persekutuan pada Disember 2021 ketika Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) bagi mendapatkan pengiktirafan Perlembagaan Persekutuan Malaysia terhadap Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) selepas Pindaan Undang-Undang Perlembagaan 2021 diwartakan pada 11 Februari 2022.

Dengan itu, segala hak serta tuntutan Sarawak dan Sabah menjadi sebahagian Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan tidak boleh dinafikan oleh mana-mana pihak termasuk Kerajaan Persekutuan. Langkah ini diambil bagi memperbetulkan kekhilafan dalam Perlembagaan selama hampir 60 tahun sejak 1963.

Pengiktirafan tersebut sekali gus mengukuhkan lagi kedudukan Sarawak dan Sabah dalam membuat tuntutan di bawah MA63.

Tun Wan Junaidi memainkan peranan penting dalam menggubal, memperkenalkan dan memberi apa-apa sahaja persoalan untuk mendapat kelulusan semua pihak berkaitan dengan Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan

(RUU) 2021 tersebut termasuk semua pemegang taruh sama ada di dalam dan di luar kerajaan dan seterusnya dipertanggungjawabkan untuk membentangkan Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan (RUU) tersebut.

Beliau secara rasmi membentangkan RUU Perlembagaan (Pindaan) 2021 di Dewan Rakyat, yang bertujuan mengukuhkan kedudukan Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia, selaras dengan apa-apa yang tersurat dan tersirat dalam MA63 tersebut.

"Saya berjaya memastikan Jemaah Menteri bersetuju dan meluluskan memorandum berkenaan pindaan tersebut walaupun terdapat banyak persoalan dan bantahan hingga memerlukan penjelasan lanjut daripada Peguam Negara sebagai penasihat rasmi kerajaan," katanya mengimbas kembali usahanya itu dalam temu bual khas bersama *Suara Sarawak*.

Usaha itu mencerminkan komitmen beliau dalam memastikan cadangan Pindaan Perlembagaan itu mendapat sokongan penuh sebelum dibentangkan di Parlimen.

"Saya secara peribadi mengadakan tidak kurang 27 kali sesi libat urus dengan barisan Ahli Parlimen, pihak NGO, SCIO dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak dan Sabah daripada kedua-dua pihak kerajaan dan



| Foto RAMIDI SUBARI

TUN PEHIN SRI DR WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR

pembangkang.

"Adalah penting bagi mendapatkan persetujuan negeri-negeri Borneo dan sokongan Ahli Parlimen yang diperlukan. Hal ini penting kerana pindaan Perlembagaan memerlukan sokongan majoriti dua pertiga daripada semua Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara," katanya.

Malah katanya, beliau secara konsisten menjelaskan tujuan pindaan itu untuk Perjanjian Malaysia 1963 mendapat pengiktirafan Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang termaktub di dalam semangat tahun 1963.

Beliau juga menegaskan, pindaan tersebut memberi impak besar kepada semua pihak Kerajaan Persekutuan, Sarawak dan Sabah dalam menuntut hak termaktub di bawah MA63 direalisasikan sebagai mana yang termaktub dalam perjanjian tersebut.

"Kejayaan meluluskan pindaan itu telah diiktiraf pelbagai pihak, termasuk Perdana Menteri, sebagai antara sumbangan paling signifikan bagi memperbetulkan kedudukan Sarawak dan Sabah dalam Malaysia.

"Pindaan tersebut telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong pada awal bulan

Februari 2022 dan berkuat kuasa pada 11 Februari 2022 selepas pewartaan,"katanya.

Selain itu, Tun Wan Junaidi juga berjaya melaksanakan pindaan terhadap undang-undang antilompat parti.

Beliau bertegas supaya peruntukan tersebut dimasukkan terus ke dalam Perlembagaan dan bukannya sekadar melalui akta biasa, agar tidak mudah diubah dengan hanya majoriti mudah di Parlimen.

"Pindaan tersebut dibuat mengikut Perkara 159(3) Perlembagaan Persekutuan, yang menetapkan sebarang pindaan perlembagaan perlu mendapat sokongan dua pertiga ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara,"katanya.

Tun Wan Junaidi turut berjaya melaksanakan pindaan terhadap Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan yang mengembalikan kuasa penentuan status anak negeri kepada Kerajaan Sarawak, sekali gus memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri untuk pengiktirafan bumiputera kepada anak-anak kahwin campur di antara warga bumiputera dan bukan bumiputra di Sarawak.

"Langkah ini penting dalam mengekalkan kedaulatan tempatan berhubung isu hak dan identiti masyarakat peribumi,"katanya.

Selain tiga pindaan utama tersebut, Tun Wan Junaidi juga memainkan peranan penting dalam menghidupkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1992.

Usaha ini merupakan sebahagian daripada inisiatif untuk memperkasa institusi Parlimen serta memulihkan kebebasan pentadbiran badan perundangan negara.



TYT berkenan terima Kad Emas Kenyalang

KUCHING: Yang di-Pertua Negeri, Tun Pehin Sri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkenan menerima Kad Emas Kenyalang (KGC) yang menawarkan pelbagai manfaat dalam kalangan warga emas di negeri ini.

Tun Wan Junaidi dan isteri, Toh Puan Datuk Patinggi Fauziah Mohd Sanusi turut menzahirkan penghargaan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak atas usaha memperkenalkan inisiatif tersebut.

Dalam pada itu, kad berkenaan diserahkan pegawai Astana Negeri Sarawak di

kediaman rasmi, Petra Jaya, semalam.

Untuk rekod, KGC merupakan antara inisiatif Kerajaan Sarawak yang amat baik khususnya untuk warga emas berusia 60 tahun ke atas.

KGC memberikan pelbagai manfaat seperti diskaun dan rebat untuk produk daripada vendor yang menjadi rakan strategik Kerajaan Sarawak dalam memperkasa kesejahteraan warga emas.

Secara keseluruhannya, KGC mencerminkan penghargaan Kerajaan Sarawak terhadap sumbangan warga emas kepada pembangunan negeri dan masyarakat di negeri ini.

TUN Wan Junaidi ditemani Toh Puan Fauziah ketika menerima KGC di kediaman rasminya semalam. • Foto ASTANA NEGERI SARAWAK

Setinggi-tinggi Takniah



**TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK
TUN PEHIN SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI
TUANKU JAAFAR**

atas pelantikan sebagai

**THE HONORARY BENCHER OF THE INNS OF COURT MALAYSIA
(ICM)**

PADA 2 OGOS 2025

Daripada:

PENGURUSAN & KAKITANGAN

**New
SARAWAK TRIBUNE
SUARA SARAWAK**

Timbang rasa di sekolah



Seterusnya, patuhi arahan pengawal keselamatan sekolah tentang pergerakan kenderaan di kawasan sekolah. Jika diminta untuk mengalihkan kenderaan, alihkan dengan segera demi kebaikan semua.

SIAPA yang tidak mahu kenderaan berada di kedudukan paling depan ketika mengambil anak-anak balik dari sekolah? Semua orang mahu. Saya juga mahu. Kalau boleh, kenderaan diberhentikan betul-betul di hadapan kelas anak, tetapi itu sangat mustahil.

Untuk itu, ada ibu bapa yang sanggup menunggu sejam lebih awal dari jam anak-anak keluar kelas, sama ada pada tengah hari atau petang. Sebab, ibu bapa jenis ini tidak mahu berebut petak parkir kosong dengan orang lain yang akan datang kemudian.

Mereka ini betul-betul mengikut prosedur yang ditetapkan oleh pihak sekolah ketika menghantar dan menjemput anak dari sekolah (pick-up/drop-off zone). Mereka tidak akan memarkir kenderaan di zon untuk menurun dan mengambil pelajar.

Namun demikian, yang menjadi masalah apabila ada kenderaan ibu bapa yang secara sengaja diparkir di zon berkenaan. Biasanya melibatkan ibu bapa atau penjaga yang lambat datang. Asal ada sahaja ruang, di situlah mereka memberhentikan kenderaan sambil menunggu anak keluar dari kelas.

Kalau untuk tempoh satu ke dua minit itu mungkin tidak menjadi masalah, tetapi sebaliknya. Kenderaan dimatikan, kemudian pemandu (ibu bapa atau penjaga) itu bergerak ke kawasan lain untuk mengambil anak.

Disebabkan itu, zon khas tersebut tidak dapat digunakan oleh ibu bapa lain yang masuk

ke kawasan sekolah, pergi ke zon menurunkan dan mengambil pelajar, buka pintu, biarkan anak masuk dan kemudian terus bergerak.

Ini yang sewajarnya, bukan memberhentikan kenderaan itu di zon berkenaan. Belum lagi yang memberhentikan kenderaan yang seperti tidak mengendahkan kenderaan lain di belakang. Peliknya, apabila hon dibunyikan, mereka tetap tidak ambil peduli. Mata tetap tekun menatap skrin telefon bimbit.

Jika pun mereka perasan, ada juga yang enggan untuk berganjak. Malah, ada yang seperti marah dengan orang lain yang membunyikan hon iaitu yang perlu menurun atau mengambil anak di zon berkenaan.

Saya yakin situasi ini antara yang sering dibincangkan dalam kumpulan WhatsApp ibu bapa di banyak sekolah. Akan ada macam-macam cadangan dan pendapat dikemukakan. Malah, mereka yang melakukan kesalahan tadi dengan selamba menjawab seperti dia tidak bersalah.

Didik ibu bapa?

Seseorang yang saya kenal dalam kumpulan WhatsApp sekolah anak ada memberitahu yang dia tidak suka dan tidak setuju jika ibu bapa diajar secara "fizikal" tentang apa-apa yang mereka perlu buat ketika menghantar dan mengambil anak dari sekolah.

Katanya, "Kita sebagai ibu bapa sudah tidak perlu lagi diajar secara fizikal. Kita sudah besar, sudah berkeluarga pun. Kita yang perlu mengajar anak-anak, bukan kita pula yang perlu diajar tentang sesuatu perkara".

Diajar secara fizikal maksud lelaki ini ialah memasang pagar khas, pengadang atau kon bagi memastikan ibu bapa tidak sewenang-wenangnya memotong kenderaan ibu bapa lain yang beratur awal untuk mengambil dan menghantar anak dari sekolah.

Situasi ini berlaku di banyak sekolah. Sekolah tempat anak saya bersekolah pun demikian. Bukan sekali dua kenderaan ibu bapa yang beratur panjang untuk masuk ke kawasan sekolah dilihat dipotong oleh kenderaan lain yang datang

kemudian.

Situasi ini juga sering dikongsikan dalam kumpulan WhatsApp. Ada yang lebih berani bertindak merakam gambar kenderaan berkenaan, termasuk nombor plat yang kemudian dikongsikan dalam kumpulan WhatsApp sebagai pengetahuan, dan teguran kepada pelaku tadi.

"Barisan kita yang dipotong, kita yang kena jeling. Siapa yang salah sebenarnya?" soal seorang kawan. Dia sangat hairan dengan situasi itu. Yang peliknya, apabila barisan kenderaan dia yang kena potong, dia juga yang menjeling. Bukankah itu semacam balasan?

Dan disebabkan itu, pernah berlaku pertengkaran antara dua bapa. Saya pernah menyaksikan situasi ini. Nasib baik sempat dilerai oleh orang lain. Nasib baik juga berlaku di luar pagar sekolah. Dan nasib baik juga tidak disaksikan oleh pelajar-pelajar sekolah. Kalau tidak, sudah tentu itu boleh memberikan pengajaran negatif kepada pelajar.

Seperkara lagi, ada dalam kalangan ibu bapa yang seperti enggan untuk memarkir kenderaan di dalam petak parkir, sebaliknya diletak di luar petak. Sebabnya, dia tidak mahu kenderaan lain diparkir di depan kenderaannya. Susah untuk dia hendak keluar.

Oleh sebab itu, akan ada banyak petak parkir yang tidak terisi. Belum lagi yang dengan selamba memarkir kenderaan di depan kenderaan orang lain. Dan, dengan selamba juga dia keluar dari kenderaan dan pergi ke lokasi tertentu untuk mengambil anak.

Ada yang memakan masa yang lama. Ini menyebabkan pemilik kenderaan yang dihadang tadi membunyikan hon. Ini sebenarnya sangat mengganggu. Pertama, hon tadi mengganggu sesi persekolahan, dan yang kedua boleh menyebabkan ibu bapa dan penjaga beramasam muka.

"Minta tuan punya kereta alihkan kenderaan. Saya nak keluar. Saya juga perlu bergegas ke pejabat!" Ini antara perkongsian di WhatsApp. yang anehnya, tanpa rasa bersalah atau mengangkat tangan meminta maaf, dia boleh bergerak begitu sahaja. Muka dia pula yang masam, seperti tidak puas hati dengan orang lain.

Penyelesaian

Semua masalah ini berlaku di semua sekolah. Mungkin juga ini boleh dianggap sebagai "buli ibu bapa". Pelaku ibu bapa, mangsa juga ibu bapa. Jika benar, mungkin wujud pula isu "buli ibu bapa". Dan, ia pasti sangat membimbangkan.

Masalah ini hanya dapat diatasi oleh ibu bapa atau penjaga pelajar itu sendiri. Bukan orang lain. Pihak sekolah hanya boleh menyediakan prosedur dan peraturan menghantar dan mengambil anak. Selebihnya, ia menuntut pematuhan prosedur ibu bapa ketika berada di kawasan sekolah.

Selain itu, ibu bapa perlu faham keperluan penyediaan zon menurun dan mengambil pelajar. Ia bukan tempat untuk memarkir kenderaan! Sebaik-baiknya parkir kenderaan di kawasan khas yang disediakan oleh pihak sekolah. Dan, jangan meletak kenderaan di hadapan kenderaan orang lain.

Seperti juga kita yang perlu segera keluar dari sekolah untuk masuk semula ke pejabat, kita perlu faham orang lain juga sedemikian. Jangan memandang diri!

Ini kerana kadang-kadang ada ibu bapa atau penjaga sebagai antara orang terawal datang ke sekolah, dia juga menjadi antara orang terakhir keluar dari sekolah, disebabkan kenderaannya dihadang oleh kenderaan lain (double parking) yang tiada pemandu di dalamnya.

Seterusnya, patuh arahan pengawal keselamatan sekolah tentang pergerakan kenderaan di kawasan sekolah. Jika diminta untuk mengalihkan kenderaan, alihkan dengan segera demi kebaikan semua.

Kadang-kadang keengganan untuk beralih ini menyebabkan kesesakan teruk di pintu pagar keluar dan masuk ke sekolah. Kesannya bukan setakat dialami ibu bapa dan penjaga, tetapi juga pengguna jalan raya yang lain.

Semua ini menuntut kerjasama, kesabaran dan keprihatinan ibu bapa. Jangan apa-apa yang kita lakukan ini diambil contoh oleh anak-anak kelak.

Bertimbang rasa untuk memastikan kesejahteraan dan keselamatan semua.

SUARA SARAWAK

Bukan Sekadar Akhbar • PPK474/02/2019 (035042)

• **Tel:** 082-647375/ 649527
• **Faks:** 082-647374
• **e-mel:** news@suarasarawak.my
• **Laman sesawang:** www.suarasarawak.my

• Lot 14096 (SL 121) Section 65, Kuching Town Land District 14D, Metrocity's Commercial Precinct, Jalan Matang, 93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak.

SIDANG REDAKSI:

Editor Eksekutif
ROHANA WAHED
rohanawahed132@gmail.com

Timbalan Editor Eksekutif
AWANG SHAHFERI AWANG ADENI
ashahferi@suarasarawak.my

Timbalan Editor Eksekutif
RADIN AZHAR AHMAD
radinazhar@suarasarawak.my

Editor
DRAMAN BAHARON
draman@suarasarawak.my

Subeditor Berita
CHRISTINA LIAN
christinalucaslian@suarasarawak.my

Editor Ruai
LINA KUNJAK
linakunjak@suarasarawak.my

Subeditor Berita
S. CONNIE PEARL SUIL
pearl@suarasarawak.my

Subeditor Ekonomi/Global
NICKLYSON LAKUN
suarasarawak.news@gmail.com

Subeditor Inspirasi
MOHD NEENATUL AIZAL
inspirasisuarasarawak@gmail.com

Subeditor Ruai
ISABELLA ANCHANG
issabella@suarasarawak.my

Ketua Pemberita
NICK FLETCHER
fletcher19@suarasarawak.my

Ketua Grafik
NGUMBANG RANGGA
suarasarawak.news@gmail.com

JUMAAT | 8 Ogos 2025 | 14 Safar 1447H

Kebajikan warga emas terjaga

| NUR FARIHAN RAZALI
suarasarawak.news@gmail.com

DALAT: Kerajaan Sarawak komited memastikan kebajikan warga emas di negeri ini sentiasa terjaga, jelas Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Datuk Seri Fatimah Abdullah.

Beliau berkata, penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) juga antara inisiatif kerajaan bagi memperkukuh kesejahteraan golongan tersebut.

"PAWE merupakan tempat bagi warga emas mengadakan aktiviti harian dalam komuniti dan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial.

"Di Dalat, kita mempunyai sebuah PAWE yang ditubuhkan pada 9 Disember 2013 dan mula bertapak di Kompleks Kebajikan Dalat pada 5 Ogos 2021.

"Setakat Julai 2025, seramai 1,120 ahli PAWE Dalat yang berdaftar iaitu 505 lelaki dan

615 perempuan," katanya berucap dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Dwitahunan PAWE Dalat 2025-2027, di Kompleks Kebajikan Dalat, di sini, semalam.

Menurutnya, selain PAWE, pelbagai lagi inisiatif lain disediakan oleh kerajaan untuk warga emas termasuk Bantuan Warga Emas (BWE), Rumah Seri Kenangan (RSK) Kuching dan Sibu, Kenyalang Gold Card (KGC), Bantuan Ihsan Kematian (BIK) serta Skim Kesihatan Warga Emas (SCHB).

Sehubungan itu, Fatimah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Dalat memberitahu, warga emas juga perlu kerap melakukan senaman ringan.

"Ia tidak semestinya berlari. Boleh juga melakukan senaman poco-poco untuk aktiviti fizikal. Kemudahan yang ada di PAWE perlu dimanfaatkan dengan sebaik mungkin bagi memastikan semua mendapat manfaat," jelasnya.

Beliau turut menasihati sesiapa



MESRA... Fatimah menyantuni mesra ahli PAWE Dalat.

yang dilantik menjadi pengerusi PAWE Dalat untuk sentiasa memastikan pusat tersebut aktif. "Ahli PAWE juga diharapkan sentiasa bekerjasama,

mengeratkan hubungan silaturahmi dan sentiasa membantu antara satu sama lain," tambahnya. Selesai majlis tersebut,

Fatimah mengadakan lawatan ke Kampus Pusat Kecemerlangan Teknikal Sarawak (CENTEXS) Dalat dan Pusat Pemprosesan Baja Organik Daerah Dalat.

Tambah baik infrastruktur klinik

KUCHING: Klinik Kesihatan Buntal menerima suntikan baharu untuk memperkukuh sistem penjagaan kesihatan menerusi penyerahan sumbangan peralatan perubatan dan bukan perubatan bernilai RM40,000 hasil kerjasama Pusat Khidmat ADUN Pantai Damai bersama Sarawak Badan Amal Tenaga Isteri-Isteri (SABATI).

Bendahari SABATI, Datin Siti Shorgayah Ahmad Zaidin berkata, pihaknya diberi mandat oleh Pusat Khidmat Pantai Damai untuk menyelaras pembelian dan penyerahan peralatan yang

diperlukan oleh klinik terlibat.

"Kita tidak hanya menyumbang alat tetapi juga menyuntik harapan dan keselesaan kepada pesakit yang datang setiap hari," ujar beliau.

Sementara itu, Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Penyelaras Projek untuk Agensi Pembangunan Wilayah, DBKU dan Hal Ehwal Islam Datuk Abdul Rahman Junaidi menegaskan, inisiatif tersebut sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan Sarawak untuk memastikan klinik di kawasan luar bandar dilengkapi kemudahan asas

berkualiti tinggi.

"Saya juga mencadangkan penambahbaikan menyeluruh terhadap infrastruktur klinik yang telah berusia lebih 40 tahun ini.

"Ini termasuk menaik taraf status klinik serta melengkapkan fasiliti teknikal seperti makmal asas, kemudahan sinar-X dan penggunaan sistem digital seperti Sistem Pengurusan Klinik Berasaskan Awan (CCMS) yang dijangka diperluas ke Klinik Kesihatan Buntal dalam masa terdekat," jelasnya yang juga ADUN Pantai Damai.

Antara sumbangan yang disalurkan termasuk monitor tekanan darah digital, termometer inframerah, komputer, pencetak serta kemudahan sokongan lain yang telah dikenal pasti hasil penelitian bersama pasukan perubatan diketuai Dr. Madalena di Klinik Kesihatan Buntal.

Majlis penyerahan itu bukan sahaja mencerminkan komitmen wakil rakyat kawasan memartabatkan fasiliti kesihatan luar bandar malah memberi impak langsung kepada keselesaan dan kesejahteraan pesakit di kawasan Buntal dan sekitarnya.

Dengan pendekatan yang sama dilaksanakan di Klinik Kesihatan Telaga Air dan Klinik Kesihatan Buntal, kemudahan kesihatan ini mampu memberikan perkhidmatan yang lebih efisien, selesa dan mesra rakyat.

Siap sedia hadapi bencana

| OSMAN RAZALI
osmanrazali@suarasarawak.my

LINGGA: Ketua masyarakat dan ketua kaum (KMKK) bertanggungjawab memastikan laporan berkaitan bencana disalurkan secara tepat kepada pihak berkuasa.

Pegawai Daerah Lingga Frank Lani berkata, KMKK disaran memainkan peranan lebih proaktif dalam kesiapsiagaan dan pengurusan risiko bencana di peringkat komuniti.

"KMKK perlu menjadi penghubung utama antara agensi kerajaan dengan penduduk kampung dengan menyampaikan maklumat sahih, memberikan peringatan mengenai larangan pembakaran terbuka serta menyelaras tindakan awal semasa kecemasan.

"Sebagai pemimpin akar umbi, mereka bertanggungjawab memastikan laporan berkaitan bencana disalurkan secara tepat kepada pihak berkuasa," katanya semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Wabak Daerah Lingga Bil.1/2025 di sini, kelmarin.

Jelasnya, latihan

kesiapsiagaan kepada KMKK, beliau dan sukarelawan wajar ditekankan agar komuniti lebih bersedia menghadapi bencana dari segi mental, fizikal dan logistik.

Terdahulu, mesyuarat yang disertai agensi teknikal seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) dan Pejabat Kesihatan Bahagian (PKB) Sri Aman membincangkan isu seperti gelombang haba, jerebu dan pelan tindakan sempena Monsun Barat Daya.

Antara isu lain yang dibangkitkan adalah tekanan air rendah di beberapa kampung dengan cadangan agar JBALB menilai semula kapasiti sistem bekalan sedia ada.

Selain itu, cadangan penubuhan Pasukan Bomba Sukarela (PBS) bagi kawasan pedalaman turut mendapat perhatian, memandangkan jarak balai bomba sedia ada yang jauh menyukarkan tindak balas kecemasan.

KMKK juga digesa menyemak semula lokasi pili bomba dan menggalakkan penyediaan alat pemadam api di rumah panjang serta premis awam.



DR. Abdul Rahman bersama-sama Siti Shorgayah melawat Klinik Kesihatan Buntal, semalam. Foto UKAS

Bertemu pewaris Kesultanan Sambas



SUARA SARAWAK
SITI NURAIN RATANI
suarasarawak.news@gmail.com

TIDAK ramai yang tahu bahawa Sarawak suatu ketika dahulu pernah mempunyai seorang sultan. Makam Sultan Tengah yang terletak di Santubong di sini menjadi bukti sejarah bahawa negeri ini pernah bernaung di bawah sistem pemerintahan beraja.

Makam yang dianggarkan berusia lebih 300 tahun itu diisytiharkan sebagai monumen bersejarah oleh Kerajaan Sarawak pada 1993, dan menjadi antara sumber penting dalam menelusuri sejarah awal negeri ini, khususnya kaitannya dengan Brunei dan wilayah sekitarnya.

Baru-baru ini, ketika dalam perjalanan ke Singkawang, tanpa dirancang penulis singgah di Kabupaten Sambas, Kalimantan Barat, iaitu persinggahan yang akhirnya membuka pintu kepada satu pertemuan yang menghubungkan jejak sejarah Sultan Tengah di Santubong dengan Kesultanan Sambas.

Ketika sampai di hadapan pintu pagar Istana Alwatzikhoebillah Sambas, sememangnya penulis agak tertanya-tanya akan istana

berkenaan yang tertutup dan sunyi.

Istana berkenaan tidak seakan-akan istana, tiada bayaran tiket, tiada penjaga, malah tiada papan tanda pelawat, hanya sebuah pintu pagar yang tertutup dan lengang.

Namun, selepas itu, muncul seorang lelaki warga emas yang memperkenalkan dirinya sebagai Raden Herman Jaya Jingkap Rongga, 75, cucu kepada Sultan Sambas terakhir, Sultan Muhammad Ibrahim Shafiuddin.

"Saya lahir di sini pada 1950. Tinggal di sini dari kecil, dan sampai sekarang masih menetap di sini," katanya, ketika ditemui penulis di istana bersejarah itu.

Walaupun sistem pemerintahan beraja Sambas berakhir semasa pendudukan Jepun, Raden Herman masih dianggap sebagai simbol budaya oleh masyarakat tempatan.

Ketika penulis melawat istana berkenaan, terdapat juga pelancong tempatan dan luar negara turut melawat istana ini.

Jelas Raden, walaupun sekarang tiada lagi pemerintahan secara rasmi, tetapi orang ramai masih lagi bertandang ke istana berkenaan.

"Mereka masih menganggap kami 'Raja'. Kami jaga kawasan ini tanpa gaji, hanya bergantung kepada sedekah pelawat," jelasnya.



RADEN Herman Jaya Jingkap Rongga

Istana Alwatzikhoebillah yang didominasi warna kuning menyala masih teguh berdiri di tengah pekan Sambas.

Dibina sekitar 1933, istana ini menjadi kediaman keluarga diraja dan kini dihuni waris keturunan sultan termasuk Raden Herman.

Di sekitar kawasan istana, terdapat makam yang dibalut kain kuning, dipercayai milik para sultan, permaisuri dan sahabat istana. Di dalamnya pula terdapat ruang khas dikenali sebagai 'jatah pemungkas', iaitu tempat istimewa

ANTARA sejarah dan gambar yang digantung di dalam Istana Alwatzikhoebillah Sambas.

untuk Raja Sambas. Menurut Raden, Kesultanan Sambas mempunyai akar sejarah yang bersambung dengan Sultan Tengah dari Brunei yang datang ke Kalimantan pada 1648 dan berkahwin dengan Puteri Raja Norman di Ketapang. "Keturunan kami ada juga yang ke Kuching dan Johor. Di Kuching, terdapat Makam Sultan Tengah," ujarnya.

Raden turut menjelaskan bahawa tanpa bantuan tetap daripada pihak berkuasa, keluarga diraja Sambas menjaga istana itu seadanya.

"Kadang-kadang kami buka pintu jam 9.00 atau 10.00 pagi. Tiada jadual tetap. Kalau ada orang

datang, kami benarkan masuk. Ramai juga pelawat dari Kuching, Pontianak, Singapura," katanya.

Sebelum mengakhiri perbualan, Raden menyatakan harapan agar pihak berkepentingan tampil membantu memelihara warisan sejarah itu.

"Kami masih menjaga kawasan ini sedaya mampu. Harap akan ada pihak yang nampak nilainya. Ini warisan," katanya.

Mengikut kajian ahli sejarah, makam yang terletak di Jalan Santubong di sini dipercayai milik Pengiran Muda Tengah Ibnu Sultan Muhammad, iaitu anakanda kedua Sultan Brunei kesembilan, Sultan Muhammad Hassan.

Kemangkatan baginda berpunca daripada perbuatan hulu balangnya sendiri yang bertindak menikam baginda dengan menggunakan tombak sewaktu baginda berehat di Batu Buaya, Pantai Santubong.



TEMPAT tidur Sultan Sambas yang terakhir.



ISTANA Alwatzikhoebillah Sambas.

Dipenjara tumbuk muka isteri

| LYDIA AMAN
suarasarawak.news@gmail.com

KUCHING: Seorang lelaki tempatan dijatuhi hukuman penjara sembilan bulan oleh Mahkamah Majistret semalam kerana menumbuk muka isterinya selepas berang diminta kunci kereta oleh mangsa untuk memeriksa bateri kereta yang telah diambilnya.

Tertuduh, 57, mengaku bersalah atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan dibacakan bersama Seksyen 326A Kanun Keseksaan, yang dibacakan di hadapan Majistret Ling Hui Chuan.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa sengaja mendatangkan kecederaan terhadap isterinya berusia 40 tahun di dalam sebuah rumah sewa di Jalan Traffic Garden, sekitar jam 8.00 malam, 26 Mei 2022. Jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara sehingga satu tahun atau denda sehingga RM2,000 atau kedua-duanya sekali.

Berdasarkan fakta kes, pada hari kejadian, pengadu berada di dalam bilik tidur melihat rakaman kamera litar tertutup (CCTV) dalam telefon bimbitnya mendapati suaminya telah

mengambil bateri kereta dari hadapan bonet keretanya.

Susulan itu, pengadu kemudian meminta kunci keretanya daripada tertuduh untuk memeriksa keadaan keretanya.

Berang dengan tindakan isterinya, tertuduh bertindak menumbuk bahagian kepala sebelah kiri, belakang leher dan mata sebelah kiri hingga menyebabkan kecederaan bengkok.

Pengadu yang bimbang akan keselamatan diri dan untuk mengelak perkara yang sama berulang, dia membuat laporan polis untuk tindakan lanjut.

Selain itu, pengadu juga dihantar ke hospital untuk menerima rawatan dan pegawai perubatan mengesahkan dia mengalami kecederaan bengkok di bahagian muka kiri.

Kejadian itu, turut disaksikan oleh penyewa lain yang menyewa di dalam rumah tersebut.

Tertuduh berjaya ditangkap sekitar jam 2.20 petang 28 Mei 2022, di tepi lorong Jalan Stampin Baru.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Adriana Maisarah Mohd Farid. Manakala, tertuduh tidak diwakili peguam.

Lelaki hilang cari kayu api selamat

BELAWAI: Dua lelaki yang dilaporkan hilang selepas masuk ke hutan berhampiran Kampung Lot Baru di sini akhirnya ditemui dalam keadaan selamat pada jam 2.30 pagi, semalam.

Kedua-dua mangsa berjaya dikesan oleh penduduk kampung ketika operasi mencari dan menyelamat (SAR) diteruskan walaupun operasi rasmi ditangguhkan sementara lewat malam tadi.

Menurut jurucakap Pusat Gerakan Operasi Bomba (PGOB) Sarawak, mangsa ditemui dalam keadaan sihat dan tidak mengalami sebarang kecederaan sebelum dibawa pulang ke rumah masing-masing.

"Pihak bomba menerima panggilan kecemasan mengenai kejadian itu pada jam 8.30 malam dan segera menggerakkan

operasi pencarian bersama agensi berkaitan termasuk polis serta penduduk kampung," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Katanya, radius pencarian merangkumi kawasan sejauh lima kilometer dari Bulatan Tanjung Manis, termasuk menyusuri jalan raya dan kawasan yang dikenal pasti laluan mangsa.

Difahamkan, kedua-dua lelaki berkenaan keluar dari rumah sekitar tengah hari semalam untuk mencari kayu api di kawasan hutan berdekatan, namun gagal pulang sehingga malam menyebabkan ahli keluarga tampil membuat laporan polis.

Bertindak atas laporan itu, gerakan SAR segera dilancarkan bagi mengesan mangsa sebelum mereka ditemui dalam keadaan selamat awal pagi semalam.



ANGGOTA bomba memadam kebakaran di sebuah kilang penyimpanan dan pembungkusan milik sebuah pasar raya.

Kilang musnah terbakar

KUCHING: Sebuah kilang penyimpanan dan pembungkusan barang milik sebuah pasar raya musnah terbakar.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi Bomba Sarawak berkata, kejadian dilaporkan sekitar jam 10.48 pagi semalam dan pasukan dari Balai

Bomba dan Penyelamat (BBP) Tabuan Jaya, BBP Padungan dan BBP Batu Lintang digerakkan ke lokasi yang terletak di Lot 741-742, Lorong Setia Raja 1D, Muara Tabuan Light Industrial Park.

"Kebakaran melibatkan dua struktur dengan api bermula dari

beberapa kontena yang dijadikan sebagai rumah pekerja sementara dan merebak ke struktur belakang kilang.

"Kebakaran menyebabkan kilang yang berkeluasan 100x100 kaki persegi itu terbakar 70 peratus," katanya dalam kenyataan.

Rumah hangus dijilat api

SIBU: Sebuah rumah musnah sepenuhnya dalam kebakaran di Batu 18, Jalan Oya-Jalan Quarry Sibu-Bintulu, petang kelmarin menyebabkan enam sekeluarga kehilangan tempat tinggal.

Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Zon Sibu, Andy Alie berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung insiden tersebut pada jam 3.05 petang.

Pasukan dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sibu Jaya segera digerakkan ke lokasi, namun keadaan jalan yang sempit dan berbukit menghalang jentera berat daripada memasuki kawasan kejadian.

"Sebaik tiba, didapati rumah jenis kekal satu tingkat itu telah pun musnah dijilat api.

"Tiada operasi pemadaman dilakukan kerana api padam dengan sendiri sebelum pasukan bomba sampai," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Tambahnya, lokasi kebakaran juga tidak mempunyai saluran air atau sumber air terbuka yang boleh digunakan bagi operasi pemadaman.

"Enam penghuni rumah tersebut dilaporkan selamat, namun kediaman mereka terbakar 100 peratus dan tidak dapat diselamatkan," katanya.

sarawakenergy

NOTIS GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK

MIRI

Dimaklumkan bahawa kawasan berikut akan mengalami gangguan bekalan elektrik pada waktu yang dinyatakan di bawah:

Kawasan terlibat:

Kpg Tegageng, SK Sg Sebatu, SK Rh Goyang, MJM Tegageng, Klinik Kesihatan Tegageng, SACOFA Tower Kpg Baru Tegageng, Telco Tower Rh Boniface Bada, RH Ngadan, Rh Sulang, Kpg Bukit Pasir, Rh Ibai, Jln Tegageng, Rh Siang,

Rh Tukuk, Rh Kimin, Rh Ngadan Ak Muyang, Kpg Baru Tegageng, Rh Hassan, Rh Libau Ak Usang, Rh Gerang Ak Goyang, Rh Juan Suai, Rh Andam Sg Pok, part of Miri - Bintulu Coastal Suai Road, Rh Junie, Rh Jimmy & kawasan berdekatan.

Tarikh: 9 Ogos 2025, Sabtu

Masa: 8:00 pg - 5:00 ptg

Gangguan ini adalah untuk membolehkan kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan.

Sekiranya keadaan cuaca tidak mengizinkan, kerja-kerja tersebut akan ditangguhkan ke tarikh dan masa yang akan dimaklumkan.

Segala kesulitan yang timbul amat dikesali, dan pihak kami akan berusaha untuk memulihkan bekalan elektrik dengan secepat mungkin.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 1300-88-3111 (24 jam)

PENGURUS WILAYAH

WILAYAH UTARA

Syarikat SESCO Berhad (672931-A)

A Subsidiary of Sarawak Energy Berhad

3,000 langkah lawan diabetes

| ASYRAF HALIM

suarasarawak.news@gmail.com

KUCHING: Berjalan laju 3,000 langkah setiap hari selama enam bulan mampu menurunkan paras gula dalam darah secara signifikan, khususnya dalam kalangan pesakit diabetes jenis 2.

Menurut satu kajian yang diterbitkan dalam jurnal *Clinical Diabetology* edisi Januari 2025, aktiviti berjalan laju 3,000 langkah sehari bukan sahaja mudah dilaksanakan, malah memberi impak positif terhadap kawalan penyakit kronik ini.

Kajian tersebut melibatkan 109 pesakit diabetes jenis dua dari Poland, dan mendapati mereka yang mengikuti rutin berjalan laju menunjukkan penurunan purata 0.33 peratus dalam bacaan HbA1c (hemoglobin terglikasi) iaitu satu ukuran penting dalam mengesan kawalan paras gula dalam darah untuk tempoh tiga bulan.

HbA1c merupakan penanda klinikal yang digunakan untuk memantau sejauh mana keberkesanan rawatan diabetes.

Bacaan HbA1c yang tinggi menunjukkan tahap gula dalam darah yang tidak terkawal dan meningkatkan risiko komplikasi seperti serangan jantung, strok, kerosakan buah pinggang dan amputasi.

Menariknya, penurunan HbA1c ini dapat dicapai tanpa sebarang perubahan dalam diet atau ubat-ubatan, membuktikan bahawa aktiviti fizikal ringan seperti berjalan secara konsisten mampu memberi kesan besar terhadap kesihatan.

Di Sarawak, amaran berkenaan peningkatan penyakit diabetes turut disuarakan oleh Timbalan Premier yang juga Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Amar Dr. Sim Kui Hian.

Ketika ditanya wartawan semasa Kempen Kesedaran Diabetes di sebuah pasar raya di Kuching pada 6 Mei lalu, beliau mendedahkan bahawa lebih 11,000 kes diabetes direkodkan di



MUHAMMAD SHAHRUL RAMLAN



NOOR AFIFAH BAHAUDIN



AHMAD DANIEL FAIZ RAMLEE



ACARA maraton boleh membantu memberi motivasi untuk mencapai lebih 3,000 langkah sehari.

| Foto MOHD ALIF NONI

negeri ini, dengan satu daripada lima penduduk Sarawak berisiko menghidap penyakit berkenaan.

"Kalau kita lihat data, hampir satu daripada lima rakyat Sarawak ada diabetes. Ia sudah menjadi perkara biasa.

"Malah ada anggapan seolah-olah normal untuk ada diabetes, tekanan darah tinggi dan kolesterol menjelang usia 60 tahun," ujarnya.

Namun, tegas beliau, anggapan itu perlu diubah kerana diabetes jenis dua sebenarnya boleh dicegah sepenuhnya.

Menurut Dr. Sim, sebahagian besar komplikasi kesihatan boleh dielakkan sekiranya penyakit itu dikawal dari awal.

"Kita ada banyak pesakit dialisis, dan separuh daripadanya adalah pesakit diabetes.

"Bayangkan kalau kita boleh elakkan mereka daripada sampai ke tahap itu. Beban kepada sistem kesihatan juga akan berkurang," tambahnya.

Sehubungan itu, beliau menyarankan rakyat Sarawak mengambil langkah mudah tetapi berkesan seperti berjalan kaki

secara konsisten setiap hari.

"Tidak guna kita ada pembangunan, kalau rakyat tak sihat dan ulang alik ke hospital. Kita mahu rakyat hidup lebih lama dan lebih sihat," katanya.

Bagi Muhammad Shahrul Ramlan, 28, gaya hidup aktif menjadi pilihan sejak Mac lalu apabila dia mula mengamalkan berjalan laju secara harian.

"Dulu mula dengan berjalan laju sahaja, sekitar 5,000 hingga 6,000 langkah sehari. Sekarang saya sudah boleh berlari 10 kilometer tanpa masalah.

"Awal-awal dulu selepas berjalan laju, saya memang rasa lebih segar untuk menjalani kehidupan seharian. Niat memang mahu sihat. Tambahan pula takut juga dengan statistik mengenai pesakit diabetes ni meningkat.

"Jadi memang berharap dengan mengamalkan aktiviti sihat seperti berjalan sekurang-kurangnya 3,000 langkah sehari, dapat mengurangkan risiko untuk terkena penyakit diabetes," katanya.

Manakala bagi Noor Afifah Bahaudin, 36, yang bekerja sebagai setiausaha pejabat, kesibukan bekerja pernah membataskan rutin senamannya, namun maklumat terkini mengenai langkah minimum memberikan semangat baharu.

"Dahulu saya sangat aktif sebab banyak menyertai aktiviti memanjat gunung. Jadi senang untuk mencapai lebih 10,000 langkah.

"Tapi kini disebabkan kekangan kerja, memang susah sikit mahu bersenam. Tapi selepas tahu yang langkah minimum sehari 3,000 sahaja, saya akan mengamalkan semula secara minimum seperti berjalan-jalan di dalam pejabat supaya dapat menurunkan risiko diabetes," ujarnya.

Sementara itu, Ahmad Daniel Faiz Ramlee, 27, turut bersetuju bahawa berjalan laju adalah langkah pencegahan lebih mudah dan efektif.

"Ya, saya setuju sebabnya aktiviti ini adalah salah satu bentuk senaman yang senang untuk semua orang tanpa mengira usia dengan mengambil kira langkah minimum hanya 3,000 langkah sehari.

"Berjalan akan menggunakan tenaga yang dihasilkan oleh gula, sekali gus mengurangkan risiko diabetes.

"Namun digalakkan juga untuk mengurangkan pengambilan gula bagi mengurangkan risiko diabetes secara lebih baik dan berkesan," jelasnya.

Terus pelihara warisan budaya, sejarah

| PRISCA ROBIN

suarasarawak.news@gmail.com

KUCHING: Tokong Tua Pek Kong yang merupakan antara struktur keagamaan tertua dan bersejarah di Miri bakal menerima peruntukan RM500,000 bagi kerja baik pulih dan penambahbaikan bangunan.

Peruntukan di bawah Projek Transformasi Luar Bandar (RTP)

DUN Piasau itu diumumkan oleh Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan, Datuk Sebastian Ting Chiew Yew.

"Ia sebagai usaha berterusan memelihara warisan budaya dan sejarah masyarakat tempatan, khususnya di kawasan Piasau," ujar beliau.

Tambah ADUN Piasau itu, pelaksanaan projek tersebut

memerlukan penelitian rapi kerana membabitkan struktur bersejarah dan elemen seni bina tradisional.

"Bangunan seperti Tokong Tua Pek Kong memerlukan perhatian khusus kerana ia melibatkan seni ukiran halus serta elemen budaya yang tidak boleh dipandang ringan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diwakili Pegawai Khas

Chia Kar Fung yang hadir bagi tinjauan keadaan semasa tokong berkenaan selain mengadakan perbincangan bersama Pengerusi Tokong Tua Pek Kong, Tay Choon Wei bagi mendapatkan maklumat terperinci berhubung skop dan keperluan projek.

Menjelas lanjut, beliau berkata, sekiranya projek itu ditender secara terbuka tanpa penilaian terhadap kepakaran

kontraktor dalam seni bina tradisional, ia dikhuatiri akan menjejaskan nilai warisan serta kualiti kerja.

"Oleh itu, hanya kontraktor yang mempunyai kepakaran dalam kerja pemuliharaan bangunan tradisional akan dipertimbangkan agar hasilnya menepati nilai estetika dan sejarah tokong tersebut," tegasnya.

JUMAAT | 8 Ogos 2025 | 14 Safar 1447H

| KAMPUNG BARU, KAMPUNG SINONG DAN PASAR LAMA

Titik panas jangkitan denggi

| NURUL SHIMA SHAHMINON
shiman1116@suarasarawak.my

BINTULU: Wabak denggi yang melanda beberapa kawasan di Bintulu semakin membimbangkan apabila empat lagi kes baharu dilaporkan di Kampung Baru kelmarin, menjadikan kawasan itu antara yang paling terjejas sejak wabak ini sejak diisytiharkan pada 1 Julai lalu.

Pegawai Kesihatan Bahagian Bintulu, Dr Melvin Chung Hsien Liang berkata, kawasan seperti Kampung Baru, Kampung Sinong dan Pasar Lama kini dikenal pasti sebagai titik panas jangkitan berikutan kedudukan geografi dan persekitaran yang saling terhubung.

"Kalau kita lihat dari peta... jelas Kampung Baru, Kampung Sinong dan Pasar Lama saling berhubung. Ini menunjukkan persekitaran mereka hampir serupa dan jika tiada tindakan segera diambil, jangkitan akan terus merebak dari satu kampung ke kampung lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui semasa melakukan pemeriksaan di beberapa kediaman penduduk di kawasan terjejas, semalam.



DR Melvin melihat sampah sarap yang terkumpul di persekitaran kediaman penduduk di kawasan terjejas.

Menurut Dr Melvin, masyarakat tidak seharusnya memandang ringan wabak ini kerana denggi merupakan penyakit berjangkit yang sangat serius, walaupun pada masa sama boleh dicegah.

"Kami telah menerima beberapa kes denggi yang serius, iaitu pesakit terpaksa dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) akibat paras platelet yang sangat rendah, ada yang serendah 5,000 berbanding paras normal 180,000 ke atas.

"Ini sangat membimbangkan kerana boleh menyebabkan

pendarahan dalaman yang boleh membawa maut," katanya lagi.

Namun begitu, tiada kes kematian dilaporkan setakat ini, dan semua pesakit telah menerima rawatan serta dibenarkan keluar dari Hospital Bintulu.

Dr Melvin turut menyatakan kebimbangan terhadap kurangnya kesedaran dan kerjasama masyarakat dalam usaha membanteras pembiakan nyamuk Aedes.

"Pasukan kami menjalankan kawalan vektor setiap hari,

termasuk semburan nyamuk dewasa. Tetapi usaha ini tidak akan berjaya tanpa kerjasama penduduk setempat. Ini bukan hanya tanggungjawab Kementerian Kesihatan, tetapi memerlukan pelibatan pihak berkuasa tempatan, agensi lain dan juga wakil rakyat," ujarnya.

Beliau turut menggesa penduduk untuk meluangkan sekurang-kurangnya lima minit setiap hari memeriksa kawasan dalam dan luar rumah serta membuang bekas-bekas air bertakung yang boleh menjadi

tempat pembiakan Aedes.

"Nyamuk Aedes gemar bersembunyi di dalam rumah, terutamanya di dinding. Sembur aerosol sebelum senja dan sebelum tidur kerana ini adalah antara langkah pencegahan paling asas yang boleh dilakukan demi keselamatan keluarga," jelasnya.

Tambah Dr Melvin lagi, meskipun pelbagai langkah telah diambil sejak pengisytiharan wabak pada 1 Julai, situasi ini masih belum terkawal sepenuhnya dan perlu ditangani secara menyeluruh.

"Ini adalah situasi multifactor melibatkan pelbagai aspek termasuk persekitaran, tingkah laku dan tahap kesedaran komuniti. Kita perlukan komitmen semua pihak untuk memastikan wabak ini tidak terus merebak," tegasnya.

Setakat 6 Ogos, Kampung Baru merekodkan penambahan empat kes menjadi jumlah keseluruhan kes denggi di kampung berkenaan meningkat kepada 56 kes, manakala Kampung Sinong kekal dengan tujuh kes dan Kampung Sinong kekal dengan dua kes.

Elak isu keselamatan serius

| NAZIRY HARIZAN
naziry1995@suarasarawak.my

KUCHING: Isu kehilangan atau kerosakan penutup lubang pembetung perlu diberi perhatian segera oleh pihak berkaitan.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Datuk Wee Hong Seng berkata, perkara tersebut perlu diberi perhatian awal bagi mengelakkan sebarang isu keselamatan serius berlaku.

Dedahnya, hasil pemeriksaan awal pihaknya mendapati beberapa penutup tersebut didapati hilang dan tidak ditutup dengan sempurna.

Situasi itu, katanya, berpotensi mengakibatkan kecederaan dan kemalangan serius kepada pengguna jalan raya khususnya para pejalan kaki dan penunggang basikal di sekitar lokasi.

"Pemeriksaan baru-baru ini mendapati sejumlah penutup lubang pembetung di bawah tanggungjawab Telekom Malaysia, Sarawak Energy Berhad, Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak, Lembaga Air Kuching serta pihak berkuasa utiliti lain didapati hilang atau tidak ditutup dengan sempurna.



PERIKSA... Wee Hong Seng (kiri) memeriksa kawasan yang didapati tidak mempunyai penutup lubang pembetung yang sempurna.

"Perkara ini memerlukan tindakan segera secara kolektif bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini serta memastikan keselamatan awam," katanya semalam.

Sehubungan itu, beliau menegaskan pihaknya telah bertindak mengutus surat kepada beberapa jabatan berkaitan bagi

mendesak langkah membendung isu tersebut pada kadar segera.

"Keselamatan awam adalah keutamaan kami.

"Kita tidak boleh menunggu sehingga satu lagi insiden malang berlaku. Saya percaya agensi berkaitan akan bertindak dengan segera dan penuh tanggungjawab," tambah beliau.

Guna jengkaut padam kebakaran

SIBU: Majlis Perbandaran Sibu (MPS) terpaksa menggerakkan sebuah jengkaut ke tapak pelupusan sampah di bawah bidang pentadbirannya di Jalan Seng Ling dalam usaha mempercepat dan mempertingkatkan operasi pemadaman kebakaran yang masih berlarutan sejak dua hari lalu.

Langkah tersebut diambil setelah kebakaran di kawasan itu mengakibatkan pengeluaran asap berterusan sehingga menyelubungi pusat bandar Sibu dengan keadaan berjerebu, selain menimbulkan risiko kepada kesihatan awam dan keselamatan persekitaran.

Timbalan Pengerusi MPS, Kaunselor Mohammed Abdullah Izkandar Roseley berkata, penggunaan jengkaut amat diperlukan untuk membantu kerja-kerja pemadaman yang sukar dikawal secara manual, terutamanya dalam mengalihkan longgokan sisa yang terbakar dari dalam timbunan.

"Kami terpaksa menggunakan jengkaut bagi

memecahkan timbunan sisa terbakar yang menghalang pemadaman sepenuhnya. Ini membolehkan pasukan kita memadamkan bara api yang tersembunyi dan mengurangkan pengeluaran asap," katanya dalam satu catatan di Facebook, semalam.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada pasukan Bahagian Kesihatan Awam MPS yang terus komited menjalankan tugas di lapangan sejak awal kejadian, serta mendoakan keselamatan mereka sepanjang operasi berlangsung.

Difahamkan usaha pengawalan dan pemadaman masih giat dijalankan, dengan kawasan pelupusan ditutup kepada umum sebagai langkah berjaga-jaga.

Situasi semasa menunjukkan pihak MPS mengambil pendekatan lebih agresif dan berstrategi dalam memastikan kebakaran dapat dikawal sepenuhnya secepat mungkin, sekali gus meminimumkan kesan terhadap penduduk dan alam sekitar.

Padah miliki dadah

LYDIA AMAN
suarasarawak.news
@gmail.com

KUCHING: Seorang lelaki tempatan dijatuhi hukuman denda RM2,900 atau penjara enam bulan oleh Mahkamah Majistret semalam, kerana memiliki 0.04 gram syabu di hadapan sebuah rumah di Kampung Siburan, lima tahun lalu.

Roney Mang, 38, dari Kampung Batu Gong itu mengaku bersalah atas satu pertuduhan yang dibacakan jurubahasa di hadapan Majistret Mason Jaro Lenya Barayan.

Mengikut pertuduhan pertama, dia didakwa di bawah Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 12(3) akta yang sama, kerana memiliki dadah jenis Methamphetamine seberat 0.04 gram.

Dia didakwa memiliki bahan terlarang itu di hadapan sebuah rumah di Kampung Siburan, sekitar jam 10.20 pagi, 22 Oktober 2020.

Jika sabit kesalahan, boleh dihukum denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun.

Menurut fakta kes, pada hari kejadian, sepasukan polis telah menahan tetuduh yang berada di hadapan sebuah rumah kerana dipercayai terlibat dalam aktiviti dadah.

Hasil pemeriksaan, mendapati satu pekuk lut sinar berisi ketulan-ketulan kristal dipercayai dadah jenis syabu dalam beg silang milik tertuduh.

Siasatan lanjut mendapati laporan dari Jabatan Kimia Malaysia mengesahkan barang kes dadah jenis Methamphetamine seberat 0.04 gram.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Asmawi Nur Haqim Mokhtar manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mekanik maut, kereta dirempuh pikap

MIRI: Seorang mekanik meninggal dunia selepas kereta dinaikinya dirempuh sebuah pikap di kawasan lampu isyarat Jalan Pujut 7, di sini kira-kira jam 5.30 pagi, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Miri ACP Mohd Farhan Lee Abdullah berkata, mangsa, 21, yang duduk di sebelah penumpang bahagian hadapan disahkan meninggal dunia ketika menerima rawatan di Unit Kecemasan Hospital Miri kira-kira jam 12.30 tengah hari.

Manakala katanya, pemandu kereta terbabit iaitu lelaki berusia 43 tahun mengalami kecederaan parah pada tangan sebelah kiri.

"Kemalangan berlaku apabila pacuan empat roda yang dipandu lelaki berusia 39 tahun melanggar bahagian tepi sebelah kiri kereta terbabit, yang dalam perjalanan dari Permyjaya menuju ke Pujut," katanya dalam kenyataan.



KEADAAN kereta dinaiki mangsa selepas dirempuh pikap di kawasan lampu isyarat Jalan Pujut 7, Miri.

Bagaimanapun, katanya pemandu pikap terbabit tidak mengalami kecederaan.

Mohd Farhan berkata kes disiasat di bawah Seksyen 41(1)

Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Beliau turut meminta orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kejadian untuk menghubungi Pegawai

Penyiasat Trafik Inspektor Mohammad Amiruddin Hamdan di talian 018-9529957 / 085-430479 atau mana-mana balai polis yang berhampiran.



NOTIS GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK

SIBU

Dimaklumkan bahawa kawasan berikut akan mengalami gangguan bekalan elektrik pada waktu yang dinyatakan di bawah:

Kawasan terlibat

1. Jln Selangau Bintulu, from Junction Jln Selangau Mukah (Restaurant Impian Selangau 2) to Sg Buluh Area(RH Abi)
2. Jln Sg Buluh, Selangau
3. SK Sg Buluh, Selangau
4. Sacofa Tower, P147 Jln Selangau-Bintulu

Tarikh: 9 Ogos 2025, Sabtu
Masa: 9.00pg Hingga 5.00ptg

Gangguan ini adalah untuk membolehkan kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan.

Sekiranya keadaan cuaca tidak mengizinkan, kerja-kerja tersebut akan ditangguhkan ke tarikh dan masa yang akan dimaklumkan.

Segala kesulitan yang timbul amat dikesali, dan pihak kami akan berusaha untuk memulihkan bekalan elektrik dengan secepat mungkin.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 1300-88-3111 (24 jam)

PENGURUS WILAYAH
WILAYAH TENGAH

Syarikat SESCO Berhad 200401034422 (672931-A)
A Subsidiary of Sarawak Energy Berhad



NOTIS GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK

SIBU

Dimaklumkan bahawa kawasan berikut akan mengalami gangguan bekalan elektrik pada waktu yang dinyatakan di bawah:

Kawasan terlibat

- | | |
|---|---------------------------------------|
| 1. All consumer along Mile 15-Mile 20 Sibu/Stapang area | 9. Tanggi Spur |
| 2. Jln Kim Poi | 10. Sacofa Tower at Jln Ulu Pasai Bon |
| 3. Ulu Pasai Bon | 11. Sacofa Tower at Jln Junaco Park |
| 4. Jln Junaco Park | 12. Sacofa Tower at RH Anggom |
| 5. Jln You Hoe | |
| 6. Rimbunan Hijau | |
| 7. Jln Rumah Anggom | |
| 8. Jln Rumah Amoi | |

Tarikh: 9 Ogos 2025, Sabtu
Masa: 9.00pg Hingga 5.00ptg

Gangguan ini adalah untuk membolehkan kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan.

Sekiranya keadaan cuaca tidak mengizinkan, kerja-kerja tersebut akan ditangguhkan ke tarikh dan masa yang akan dimaklumkan.

Segala kesulitan yang timbul amat dikesali, dan pihak kami akan berusaha untuk memulihkan bekalan elektrik dengan secepat mungkin.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 1300-88-3111 (24 jam)

PENGURUS WILAYAH
WILAYAH TENGAH

Syarikat SESCO Berhad 200401034422 (672931-A)
A Subsidiary of Sarawak Energy Berhad

JUMAAT | 8 Ogos 2025 | 14 Safar 1447H

Semai cinta alam sekitar

| NAZIRY HARIZAN

naziry1995@suarasarawak.my

MIRI: Seramai 133 peserta terdiri daripada pelajar, komuniti tempatan, wakil agensi dan kerajaan tempatan memeriahkan program khidmat komuniti yang berlangsung di Taman Negara Niah, baru-baru ini.

Program anjuran Institut Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan Alam Sekitar (IBEC) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dengan kerjasama Perbadanan Hutan Sarawak (SFC) itu diadakan bersempena ulang tahun pertama pengiktirafan Taman Negara Niah sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Penyertaan itu melibatkan pelajar dari empat buah sekolah, Tuai Rumah, Penghulu, Kapitan, guru-guru serta kakitangan kerajaan yang berganding bahu menjalani program bertemakan 'Kebersamaan menjaga Taman Negara Niah menerusi Sains Rakyat'.

Jurucakap dalam satu kenyataan berkata, tujuan utama program itu adalah untuk



KENANGAN... Staf dan pelajar UNIMAS merakam gambar kenangan beramai-ramai di hadapan Taman Negara Niah.

mengetengahkan peranan aktif komuniti tempatan dalam pemeliharaan alam sekitar melalui pendekatan sains rakyat.

"Program hasil kerjasama bersama SFC sebagai satu inisiatif menyatukan institusi akademik dan masyarakat tempatan dalam usaha memperkukuh kesedaran terhadap kepentingan pemeliharaan biodiversiti serta

ekosistem warisan negara.

"Ia memberi pendedahan kepada masyarakat tentang prinsip-prinsip ekologi serta faedah yang diperoleh daripada kepelbagaian biologi kepada manusia.

"Selain itu, program ini menyemai rasa cinta dan penghayatan alam sekitar sebagai aspek penting dalam memastikan

kekayaan biotik negara digunakan secara lestari tanpa mengakibatkan kemusnahan," jelas kenyataan itu.

Tambahnya, para peserta turut didedahkan dengan kefahaman tentang peruntukan kuasa dan undang-undang berkaitan pemeliharaan biodiversiti serta tanggungjawab agensi terlibat.

Tegasnya, IBEC optimis

untuk menganjurkan program seumpama itu dalam usaha mempererat hubungan antara universiti dengan masyarakat.

Di samping itu, ia juga sebagai platform untuk menunjukkan peranan penting dalam menjamin kelestarian biodiversiti negara khususnya di kawasan warisan dunia yang diiktiraf seperti Taman Negara Niah.

Patuhi papan tanda keselamatan

BINTULU: Kerja-kerja penurapan semula dan pembaikan jalan di beberapa laluan yang mengalami kerosakan teruk di Kawasan Perindustrian Kemena (KIE) kini bermula.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Batu Johnny Pang Leong Ming berkata, sebelum ini, keadaan fizikal jalan di kawasan industri tersebut telah lama menimbulkan keresahan dalam kalangan pengguna.

"Permukaan jalan yang dipenuhi lubang serta sistem saliran yang tidak berfungsi dengan baik menyebabkan kawasan tersebut mudah dinaiki air ketika hujan, manakala pada hari panas pula, debu tebal menjejaskan keselesaan dan keselamatan pengguna.

"Masalah ini telah dibangkitkan oleh penduduk dan pemilik premis perniagaan yang memohon agar tindakan segera diambil.

"Selepas beberapa kali membuat susulan dengan Pihak Berkuasa Kemajuan Bintulu (BDA), kerja-kerja penambahbaikan ini akhirnya dapat dilaksanakan," katanya dalam satu kenyataan.

Projek berkenaan merangkumi kerja-kerja penurapan semula jalan utama sepanjang 1.8 kilometer, baik pulih kira-kira 500 meter jalan cabang, serta pembinaan sistem perparitan baharu bagi meningkatkan aliran air sisa. Keseluruhan projek dijangka siap menjelang penghujung bulan ini.

Beliau turut menekankan pelaksanaan projek ini bukan sahaja meningkatkan tahap keselamatan jalan, malah berpotensi menyumbang kepada persekitaran yang lebih teratur, selesa dan selamat untuk komuniti serta sektor perindustrian di kawasan tersebut.

"Oleh itu, saya menyeru semua pengguna jalan raya agar sentiasa mematuhi papan tanda keselamatan dan memperlakukan kenderaan ketika melalui kawasan pembinaan demi keselamatan bersama," tambahnya lagi.

Kaunter bergerak daftar rakan niaga MyKasih

| NURHAUNI LEE ABDULLAH

suarasarawak.news@gmail.com

SIBU: Pusat Khidmat Parlimen Sibu bakal mengadakan kaunter perkhidmatan bergerak khas untuk membantu para peniaga tempatan untuk mendaftar sebagai rakan niaga Kedai MyKasih.

Kaunter tersebut dibuka pada 9 Ogos ini, dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari di Farmasi Kim Guong Drug Store, Jalan Central, Sibu.

Inisiatif tersebut bertujuan memudahkan urusan pendaftaran perniagaan kecil dan sederhana yang berminat untuk menyertai program Kedai MyKasih, di samping menghantar maklumat lengkap peniaga kepada

Kementerian Kewangan untuk pemprosesan lanjut.

Menurut Oscar Ling, penyertaan dalam program Kedai MyKasih bukan sahaja membuka peluang kepada peniaga untuk memperluas rangkaian pelanggan, malah dapat meningkatkan pendapatan melalui sistem jualan yang lebih efisien dan teratur.

"Perniagaan yang menjual sekurang-kurangnya 70 peratus barangan asas seperti beras, minuman, roti, telur, perasa, barangan penjagaan diri, ubat-ubatan, mi segera, biskut, tepung, alat tulis, makanan dalam tin, minyak masak dan produk pembersihan rumah layak untuk mendaftar," jelas beliau semalam.

Peniaga yang berdaftar akan

menerima sistem tempat jualan (POS) serta pengimbas kod bar yang disediakan secara percuma oleh kerajaan.

Ia bertujuan untuk meningkatkan kecekapan urus niaga serta memberi kemudahan kepada pelanggan yang menerima bantuan SARA.

"Melalui program bantuan SARA, keluarga berpendapatan rendah boleh membeli barangan keperluan di kedai rakan niaga MyKasih menggunakan MyKad tanpa perlu membawa wang tunai.

"Hasil jualan pula dikreditkan terus ke akaun bank peniaga dua kali seminggu. Ini bukan sahaja memudahkan pelanggan, tetapi juga menjamin aliran tunai yang stabil untuk peniaga," katanya lagi.

Oscar Ling turut menyeru para peniaga, khususnya pemilik pasar raya kecil dan kedai runcit, agar tidak melepaskan peluang keemasan ini untuk menyertai program berimpak tinggi tersebut.

Peniaga yang tidak dapat hadir pada Sabtu ini masih boleh berurusan di Pusat Khidmat Parlimen Sibu di Ibu Pejabat Parti Tindakan Demokratik (DAP), Taman Rajang, pada waktu pejabat.

Sebarang pertanyaan lanjut, hubungi talian 084-322001 atau 017-8331085.

"Jangan lepaskan peluang untuk melangkah lebih jauh dalam dunia perniagaan sambil membantu komuniti setempat," kata Oscar Ling.



PETUGAS Pusat Khidmat Parlimen Sibu bersedia membantu komuniti peniaga setempat berkenaan dengan rakan niaga MyKasih pada Sabtu ini.



NOTIS IKLAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** dalam Kelas dan Jenis Pendaftaran yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

No. Ruj. Tender	Tajuk Tender	Pendaftaran Kelas, Kepala & Sub- Kepala UPKJ	Yuran Dokumen (RM)	Jenis Tawaran	Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Tender	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Tender
LSD/13/2025	SKIM PEMBESARAN KAMPUNG (SPK) NOOR ISLAM (INFRASTRUKTUR) KUALA LAWAS, LAWAS, LIMBANG	Class B Head III Subhead 1& 2	100	Open	21.08.2025 (4.00p.m)	27.08.2025 (12.00p.m)

2. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN (CIDB), SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan) sebelum dokumen tender dijual kepada kontraktor yang layak.

3. Bayaran yuran Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)** yang dibayar atas nama **Kerajaan Negeri Sarawak**. Bayaran boleh juga dibayar melalui **SarawakPay (SPAYGLOBAL)**.

4. Contoh Dokumen Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi mulai **8.8.2025** hingga **21.8.2025** pada waktu pejabat di alamat **Tingkat 3, Ibu Pejabat, Jabatan Tanah dan Survei, Menara Pelita, Jalan Tun Abdul Rahman Yaakub, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak**

5. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor dan Tajuk Tender**. Dokumen Tender hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah.

Pengerusi
Lembaga Tender Bahagian Limbang
Tingkat 6, Bangunan Limbang Plaza
Jalan Buangsiol
98700 Limbang, Sarawak

6. Petender adalah dikehendaki untuk mengemukakan Dokumen Tender **lebih awal dari Tarikh dan Masa Tutup** yang ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan Dokumen Tender pada hari Tender ditutup. **Ini adalah berikutan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi oleh pelawat sebelum memasuki premis kerajaan dan bagi memastikan Petender dapat mengemukakan Dokumen Tender sebelum Tarikh dan Masa Tutup Tender.**

Jabatan **tidak akan bertanggungjawab** sekiranya Petender gagal/ lewat untuk mengemukakan Dokumen Tender pada masa dan tarikh yang ditetapkan disebabkan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi sebelum memasuki premis kerajaan.

7. Dokumen tender yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.

8. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

AWANG ZAMHARI BIN AWANG MAHMOOD
PENGARAH TANAH DAN SURVEI
SARAWAK



JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR, SARAWAK
Tender Notice

The following tender is to be submitted to the Chairman, **State Divisional Tenders Board, Betong, c/o. Resident Office Betong, Aras 2-3, Menara Utama, Kompleks Pejabat Kerajaan Negeri, Kawasan Bandar Baru Betong, Jalan Setia Raja, 95700 Betong, Sarawak not later than 12:00 noon** on the Closing date as specified below. Tender documents may be obtained from JBALB Contract Section, Bahagian Betong, Lot 326, Jalan Montegrai, 95700 Betong, Sarawak on payment of the specified document fee and document deposit.

1) Tender No. T/JBALB/110/AUG.2025

Term Contract For Rehabilitation And Upgrading Of Various Sizes And Types Of Watermains Within Saratok, Kabong And Roban District, Betong Division For The Year 2025-2027

UPKJ **Works** : Head I Subhead: 4(a) and 4(b) and 4(c) Class: E
And CIDB (PPK) Registered
Closing Date: Wednesday, 20th August 2025 Document Fee: RM100.00

The following tender is to be submitted to the Chairman, **State Divisional Tenders Board, Sibul, c/o. Resident Office Sibul, Aras 5, Kompleks Islam Sarawak Sibul, Jalan Awang Ramli Amit, 96000 Sibul, Sarawak, not later than 12:00 noon** on the Closing date as specified below. Tender documents may be obtained from JBALB Contract Section, Bahagian Sibul, Tingkat 1-3, Wisma Liberty, Lot 4047-4054, Blok 3, Jalan Dr. Wong Soon Kai (Jalan Pedada), 96000 Sibul, Sarawak on payment of the specified document fee and document deposit.

2) Tender No. T/JBALB/112/AUG.2025

Term Contract For The Delivery Of Potable Water From Designated Collection Points To Various Locations In Kanowit District, Sibul Division For The Year 2025-2027 On As-And-When Required Basis

UPKJ **Supplies And Services** : Head VII Subhead: 2 or 4 Category: B
Closing Date: Wednesday, 20th August 2025 Document Fee: RM50.00

3) Tender No. T/JBALB/113/AUG.2025

Retender : Upgrading And Replacement Of Pipelines And Minor Improvement Works – Refurbishment And Rehabilitation Works At Nanga Ngungun Water Treatment Plant, Sibul Division

UPKJ **Works** : Head I Subhead: 2(b)(i) Class: D or E (Bumiputera)
And CIDB (PPK) Registered
Closing Date: Wednesday, 27th August 2025 Document Fee: RM100.00

COMPULSORY SITE VISIT / TENDER BRIEFING
Venue : Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sibul Divisional (JBALB Sibul) Tingkat 2, Wisma Liberty, Lot 4047-4054, Lorong Pedada 7, Off Jalan Dr. Wong Soon Kai, 96000 Sibul, Sarawak
Date & Time : 7th August 2025(Thursday) / 0900am and Site Visit onward
Contact Person : Ling Leh Lee (011-25229016)
Barry anak Alum (011-19356647)

SPECIAL NOTICE TO TENDERERS CONCERNING COMPULSORY SITE VISIT / BRIEFING :

i. For company Sdn. Bhd. or Bhd., the authorised person or representative attending the tender briefing and site visit shall be authorised personnel duly supported by a Board of Director's Resolution which is signed by the majority of the directors. The attendance of the director of the company being the authorized personnel is preferred.

ii. As for Partnership company, the representative attending the tender briefing and site visit shall be authorised personnel duly supported by Power of Attorney or Letter of Authorisation which is signed by majority of the partners. The attendance of the partner of the company being the authorized personnel is preferred.

iii. In the case of Sole Proprietorship, the representative shall be the sole proprietor or senior staff or top management staff of the company. The presence of senior or top management staff of the company requires Letter of Authorisation from the sole proprietor.

iv. Proof of tenderer's attendance eg. verified attendance slip or any other forms as given / specified in site visit and tender shall be submitted together with the tender document for technical compliance evaluation.

Note:

1. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

2. Only submissions signed by person(s) duly authorised by the tendering firm(s) or company(ies) shall be considered.

3. Original copy(ies) of Proof of Registration with CIDB/UPKJ/PPK/FFO as may be relevant must be produced before document(s) may be obtained. Tenderers for Work Project are reminded to present their Registration Status with CIDB.

4. This Notice may also be viewed at <https://jbalb.sarawak.gov.my/> and <https://etendernotice.sarawak.gov.my/>

(Sharifah Nadhirah Wan Badwi)
b.p. Pengarah,
JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR,
SARAWAK.
Date: 01.08.2025

Langganilah Surat Khabar

SUARA SARAWAK

Berita Sensasi Terkini

Sila hubungi: 082-510005, 082-647375

JUMAAT | 8 Ogos 2025 | 14 Safar 1447H



NOTICE OF TENDER

1. Tenders are invited from Bumiputera suppliers registered with valid Unit Pendaftaran Kontraktor & Juruperunding (UPKJ) (Supply And Services), with Bumiputera status, under Category A or B or C for the following supplies/services:-

No.	Tender No.	Tender Title	Registration of Class, Head & Sub-Head	Location and Time for Tender Briefing	Document Fees (RM)	Date for Purchasing of Tender Document	Closing Date & Time of Tender Submission
1	Tender No. 1 PPES: T/63/2025	TERM CONTRACT FOR 12 MONTHS TO SUPPLY AND DELIVERY OF EQUIPMENT/ MACHINERY UNDER CONTRACTOR PACKAGE TO RESPECTIVE DIVISIONS IN SARAWAK FOR PROGRAM PENINGKATAN USAHAWAN BUMIPUTERA (PUTERA) AS AND WHEN REQUIRED BASIS	Category: A, B, C Head: II Sub-head: 1d(i), 2c	13 August 2025 (Wednesday) at 9:00 a.m. Venue: Bilik Brahman, 10th Floor, Menara SEDC, The Isthmus, 93050 Sarawak The briefing is MANDATORY for all contractors participating in this tender.	50.00	Purchase of the Tender Document is only permitted after attending the Tender Briefing.	9 September 2025 @ 12.00 noon
2	Tender No. 1 PPES: T/64/2025	TERM CONTRACT FOR 12 MONTHS TO SUPPLY AND DELIVERY OF EQUIPMENT/ MACHINERY UNDER RETAIL SHOP PACKAGE TO RESPECTIVE DIVISIONS IN SARAWAK FOR PROGRAM PENINGKATAN USAHAWAN BUMIPUTERA (PUTERA) AS AND WHEN REQUIRED BASIS	Category: A, B, C Head: IV Sub-head: 9	13 August 2025 (Wednesday) at 10:00 a.m. Venue: Bilik Brahman, 10th Floor, Menara SEDC, The Isthmus, 93050 Sarawak The briefing is MANDATORY for all contractors participating in this tender.	50.00	The Tender Document can be purchased on the following date and time:	9 September 2025 @ 12.00 noon
3	Tender No. 1 PPES: T/65/2025	TERM CONTRACT FOR 12 MONTHS TO SUPPLY AND DELIVERY OF EQUIPMENT/ MACHINERY UNDER TAILORING PACKAGE TO RESPECTIVE DIVISIONS IN SARAWAK FOR PROGRAM PENINGKATAN USAHAWAN BUMIPUTERA (PUTERA) AS AND WHEN REQUIRED BASIS	Category: A, B, C. Head: VI Sub-head: 2a	13 August 2025 (Wednesday) at 2:00 p.m. Venue: Bilik Brahman, 10th Floor, Menara SEDC, The Isthmus, 93050 Sarawak The briefing is MANDATORY for all contractors participating in this tender.	50.00	From 15 August 2025 To 8 September 2025 Between 8:00a.m. to 5:00p.m. (during office hours)	9 September 2025 @ 12.00 noon
4	Tender No. 1 PPES: T/66/2025	TERM CONTRACT FOR 12 MONTHS TO SUPPLY AND DELIVERY OF EQUIPMENT/ MACHINERY UNDER FOOD & BEVERAGE PACKAGE TO RESPECTIVE DIVISIONS IN SARAWAK FOR PROGRAM PENINGKATAN USAHAWAN BUMIPUTERA (PUTERA) AS AND WHEN REQUIRED BASIS	Category: A, B, C. Head: II Sub-head: 6b	13 August 2025 (Wednesday) at 3:00 p.m. Venue: Bilik Brahman, 10th Floor, Menara SEDC, The Isthmus, 93050 Sarawak The briefing is MANDATORY for all contractors participating in this tender.	50.00	At: Sarawak Economic Development Corporation (SEDC) Procurement, Group Shared Service Centre, Level 9, SEDC Plaza, Jalan Tunku Abdul Rahman, 93100 Kuching, Sarawak.	9 September 2025 @ 12.00 noon
5	Tender No. 1 PPES: T/67/2025	TERM CONTRACT FOR 12 MONTHS TO SUPPLY AND DELIVERY OF EQUIPMENT/ MACHINERY UNDER HOMESTAY PACKAGE TO RESPECTIVE DIVISIONS IN SARAWAK FOR PROGRAM PENINGKATAN USAHAWAN BUMIPUTERA (PUTERA) AS AND WHEN REQUIRED BASIS	Category: A, B, C. Head: IV Sub-head: 9	14 August 2025 (Thursday) at 9:00 a.m. Venue: Bilik Brahman, 10th Floor, Menara SEDC, The Isthmus, 93050 Sarawak The briefing is MANDATORY for all contractors participating in this tender.	50.00		9 September 2025 @ 12.00 noon
6	Tender No. 1 PPES: T/68/2025	TERM CONTRACT FOR 12 MONTHS TO SUPPLY AND DELIVERY OF EQUIPMENT/ MACHINERY UNDER STYLING AND BEAUTY PACKAGE TO RESPECTIVE DIVISIONS IN SARAWAK FOR PROGRAM PENINGKATAN USAHAWAN BUMIPUTERA (PUTERA) AS AND WHEN REQUIRED BASIS	Category: A, B, C. Head: IV Sub-head: 9	14 August 2025 (Thursday) at 10:00 a.m. Venue: Bilik Brahman, 10th Floor, Menara SEDC, The Isthmus, 93050 Sarawak The briefing is MANDATORY for all contractors participating in this tender.	50.00		9 September 2025 @ 12.00 noon
7	Tender No. 1 PPES: T/69/2025	TERM CONTRACT FOR 12 MONTHS TO SUPPLY AND DELIVERY OF EQUIPMENT/ MACHINERY UNDER WORKSHOP PACKAGE TO RESPECTIVE DIVISIONS IN SARAWAK FOR PROGRAM PENINGKATAN USAHAWAN BUMIPUTERA (PUTERA) AS AND WHEN REQUIRED BASIS	Category: A, B, C. Head: II Sub-head: 6b	14 August 2025 (Thursday) at 2:00 p.m. Venue: Bilik Brahman, 10th Floor, Menara SEDC, The Isthmus, 93050 Sarawak The briefing is MANDATORY for all contractors participating in this tender.	50.00		9 September 2025 @ 12.00 noon
8	Tender No. 1 PPES: T/70/2025	TERM CONTRACT FOR 12 MONTHS TO SUPPLY AND DELIVERY OF EQUIPMENT/ MACHINERY UNDER PROGRAM KONTAKTOR BERDAYA SAING (PKBS) PACKAGE TO RESPECTIVE DIVISIONS IN SARAWAK FOR PROGRAM PENINGKATAN USAHAWAN BUMIPUTERA (PUTERA) AS AND WHEN REQUIRED BASIS	Category: A, B, C. Head: II Sub-head: 1d(i), 2c	14 August 2025 (Thursday) at 3:00 p.m. Venue: Bilik Brahman, 10th Floor, Menara SEDC, The Isthmus, 93050 Sarawak The briefing is MANDATORY for all contractors participating in this tender.	50.00		9 September 2025 @ 12.00 noon

2. The Tender Document will only be sold to the owner or authorised representative in writing by the Owner/Shareholder/Director of the Company. The owner or representative shall produce the original registration of Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ), original Bumiputera status certificate (if applicable) and Letter of Authorisation (if applicable) before the tender document are sold to the eligible Supplier/Contractor.

3. Payment in cash or bank draft "A/C Payee Only" made payable to "Sarawak Economic Development Corporation" for the non-refundable and deemed reasonable tender document fee.

4. The tender document will be issued in softcopy. Therefore, tenderer is required to bring their pendrive during the collection of tender document. Tender Document can be obtained during normal office hours from 15 August 2025 to 8 September 2025 from the office of:

GENERAL MANAGER
SARAWAK ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION
Procurement, Group Shared Service Centre
Level 9, SEDC Plaza,
Jalan Tunku Abdul Rahman, 93100 Kuching, Sarawak.

5. The Tender must be submitted in a sealed plain envelope, clearly marked at the top left-hand corner with the Tender Title and Tender Number. The completed Tender Document, together with all required accompanying documents, including the Form of Tender and Bidder's Declaration duly signed and stamped, must be submitted on or before 12:00 noon, 9 September 2025 (Tuesday) to the following address :-

GENERAL MANAGER
SARAWAK ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION
Procurement, Group Shared Service Centre
Level 9, SEDC Plaza,
Jalan Tunku Abdul Rahman, 93100 Kuching, Sarawak.

6. Late and/or incomplete submissions will be rejected outright.

7. Sarawak Economic Development Corporation does not bind itself to accept the lowest or any tender or to assign any reason thereof. Only tender submissions by authorized signatory/signatories of the tendering companies shall be considered.

GENERAL MANAGER
SARAWAK ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION

Date: 2 August 2025

MAJLIS DAERAH LUBOK ANTU
KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada kalangan kontraktor-kontraktor tempatan yang berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) yang masih sah dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi perolehan kerja seperti berikut:-

Bil	No. Tender	Tajuk Tender	Pendaftaran Kelas / Kepala / Subkepala)	Yuran Dokumen (RM)	Deposit Tender (RM)	Tempoh & Tempat Jualan Dokumen Tender
1	MDLA/KER/UKP M/7/DTS/7/16	MENAIKTARAF TANDAS AWAM KAWASAN LUAR BANDAR DI KAWASAN PENTADBIRAN MD LUBOK ANTU (ENGGILILI SUB DISTRICT) TAHUN 2025	UPKJ, Kelas F @ Kepala II Sub Kepala 5a	50.00	1,000.00	08 Ogos 2025 Sehingga 21 Ogos 2025 Pejabat MDLA, 95800 Engkilili
2	MDLA/KER/UKP M/7/DTS/7/17	MENAIKTARAF TANDAS AWAM KAWASAN LUAR BANDAR DI KAWASAN PENTADBIRAN MD LUBOK ANTU (LUBOK ANTU DISTRICT) TAHUN 2025	UPKJ, Kelas F @ Kepala II Sub Kepala 5a	50.00	1,000.00	
3	MDLA/KER/UKP M/7/DTS/7/18	NAIKTARAF JALAN RH. BUYONG, DANAU, LUBOK ANTU	UPKJ, Kelas F Kepala III Sub-Kepala 2c @ 3b	50.00	1,000.00	
4	MDLA/KER/UKP M/7/DTS/7/19	NAIKTARAF KAMPUNG ENGGILILI	UPKJ, Kelas F Kepala III Sub-Kepala 2c @ 3b	50.00	1,000.00	
5	MDLA/KER/UKP M/7/DTS/7/20	NAIKTARAF JALAN RH. ACHIN, TISAK LANGKONG, ENGGILILI (FASA 2)	UPKJ, Kelas F Kepala III Sub-Kepala 2c @ 3b	50.00	1,000.00	
6	MDLA/KER/UKP M/7/DTS/7/21	MENAIKTARAF JALAN AKSES KE TANJUNG DAN PEDALAI, ENGGILILI (FASA 2)	UPKJ, Kelas F Kepala III Sub-Kepala 2c @ 3b	50.00	1,000.00	
7	MDLA/KER/UKP M/7/DTS/7/22	NAIKTARAF SISTEM PERPARITAN DI NANGA TELAUS, LUBOK ANTU	UPKJ, Kelas F Kepala IV, Sub-Kepala 4a	50.00	1,000.00	
8	MDLA/KER/UKP M/7/DTS/7/23	NAIKTARAF SISTEM PERPARITAN KANDIS, LUBOK ANTU	UPKJ, Kelas F Kepala IV, Sub-Kepala 4a	50.00	1,000.00	
9	MDLA/KER/UKP M/7/DTS/7/24	MENAIKTARAF BANGUNAN PERPUSTAKAAN AWAM LUBOK ANTU DAN PEJABAT KECIL MAJLIS DAERAH LUBOK ANTU	UPKJ, Kelas F @ Kepala II Sub Kepala 5a	50.00	1,000.00	
10	MDLA/KER/UKP M/7/DTS/7/25	PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR DAN KENEGKAPAN PEJABAT PERPUSTAKAAN DI BAWAH SELIAAN MD LUBOK ANTU	UPKJ, Kelas F @ Kepala II Sub Kepala 5a	50.00	1,000.00	
11	MDLA/KER/UKP M/7/DTS/7/26	NAIKTARAF JALAN RH. SENIRI, SEMUEH ASAL, ENGGILILI	UPKJ, Kelas F Kepala III Sub-Kepala 2c @ 3b	50.00	1,000.00	
12	MDLA/KER/UKP M/7/DTS/7/27	MENAIKTARAF JALAN RH. SENGKABANG, ENGGILILI	UPKJ, Kelas F Kepala III Sub-Kepala 2c @ 3b	50.00	1,000.00	

2. Dokumen Tender boleh diperolehi pada waktu pejabat setelah pembayaran dilakukan untuk yuran dokumen (pada dan selepas 08 Ogos 2025 dalam bentuk wang tunai dan hanya dijual kepada kontraktor yang sah dan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

3. Kontraktor mesti mengemukakan deposit tender berjumlah RM1,000.00 dalam bentuk Banker's Cheque atau Bank Draft dibuat atas nama "Majlis Daerah Lubok Antu" semasa membeli dokumen tender. Deposit tender akan dikembalikan sepenuhnya kepada semua pembida yang gagal setelah penerimaan tender.

4. Kontraktor atau Wakil Kontraktor dikehendaki membawa bersama Sijil Pendaftaran Asal serta salinannya yang telah diakui sah yang dikeluarkan oleh Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) semasa membeli dokumen.

5. Dokumen tender yang dikemukakan harus disertakan dengan dokumen-dokumen seperti berikut :-

- Sijil Pendaftaran Perniagaan
- Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan UPKJ, dan
- Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan CIDB.

Kegagalan berbuat demikian, Jawatankuasa Tender Majlis berhak menolak tawaran tender.

6. Dokumen Tender yang sempurna diisi hendaklah dimeteraikan dengan menggunakan sampul surat yang diatasnya bertanda SULIT dan ditulis dengan jelas Tarikh Tutup, Nombor Tender serta Tajuk Tender dan perlu dimasukkan ke dalam peti tender beralamat seperti berikut:-

Setiausaha,
Majlis Daerah Lubok Antu,
Jalan Penghulu Imong Anak Awan,
95800 Engkilili, Sarawak.

7. Tarikh tutup bagi semua tender di atas adalah pada 22 Ogos 2025 jam 12.00 tengahari dan sebarang dokumen tender yang diterima selepas masa yang ditetapkan akan ditolak.

8. Tempoh sah laku tender hendaklah 90 hari dari tarikh tutup.

9. Majlis Daerah Lubok Antu tidak terikat untuk menerima tawaran tender yang terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut

(TING TIEW LIK)
Setiausaha,
Majlis Daerah Lubok Antu

Tarikh : 08 Ogos 2025

Rujukan : MDLA/KER/UKPM/7/DTS/7/28

s.k.: Papan Kenyataan Majlis Daerah Lubok Antu.
Perpustakaan Awam Majlis Daerah Lubok Antu, Engkilili
Pejabat Kecil Majlis Daerah Lubok Antu, Lubok Antu

BRUNEI DARUSSALAM: ADUN Lingga, Dayang Noorazah Awang Sohor mengetuai Delegasi Sarawak menerusi Jawatankuasa Induk Regata Lingga 2025 dalam kunjungan hormat kepada Persatuan Lumba Perahu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (PERKEBAR), baru-baru ini.

Menurutnya, kunjungan tersebut bagi menyampaikan jemputan rasmi serta menyantuni PERKEBAR sebagai pasukan antarabangsa yang turut menyertai telah Regata Lingga 2023.

Katanya, usaha tersebut sekali gus memperkukuh reputasi acara tersebut yang kini memasuki edisi ketiga peringkat antarabangsa dengan pembabitian pasukan dari negara luar.

"Penganjuran pesta ini amat penting dalam menarik kedatangan pelancongan antarabangsa, penduduk tempatan serta menjadi platform utama dalam memperkenalkan keunikan fenomena Regata Lingga sebagai satu daripada acara warisan sukan air yang ikonik di Sarawak.

"Secara tidak langsung, Regata Lingga berperanan sebagai tarikan pelancongan utama ke kawasan Lingga, di samping menyumbang kepada

REGATA LINGGA

Pacu pertumbuhan ekonomi, pelancongan



SIMBOLIK... Dayang Noorazah melakukan simbolik penyerahan patung bidar kepada wakil PERKEBAR.

pertumbuhan ekonomi tempatan khususnya di kawasan daerah Lingga secara amnya," katanya dalam kenyataan.

Tegasnya, penyertaan pasukan antarabangsa dalam acara tersebut berpotensi menjadikan Regata Lingga sebagai acara

bukan sahaja memperkukuh jalinan diplomasi budaya dan sukan malah membuka peluang kepada usahawan tempatan dan

sektor pelancongan di kawasan terbabit berkembang maju.

Dalam kunjungan itu, beliau mendedahkan PERKEBAR memberi sokongan terhadap penganjuran tersebut dan akan memberi maklum balas penyertaan pasukan mereka dalam masa terdekat.

Terdahulu, sesi pertemuan menyaksikan Timbalan Pengerusi Induk Regata Lingga Hamizan Yahya membentangkan maklumat terkini berkenaan penganjuran Regata Lingga.

Acara tersebut dijadual berlangsung di Tebingan Sungai Lingga bermula 28 hingga 30 November ini.

Kunjungan hormat turut dihadiri Yang Dipertua Yang Mulia Haris Ibrahim, Setiausaha Agung Roshidi Abdul Latif dan barisan ahli jawatan kuasa tertinggi PERKEBAR.

Konsert rock gegarkan Sarawak



PAPARAN kod bar pada poster rasmi Konsert Rock In The Jungle (RITJ) 2.0 untuk pembelian tiket.

KUCHING: Konsert Rock In The Jungle (RITJ) 2.0 yang berlangsung pada 29 dan 30 Ogos ini di Kampung Budaya Sarawak bakal menghadirkan gegaran bunyi yang menggetarkan jiwa peminat rock dan metal di seluruh tanah air.

Konsert selama dua hari ini menghimpunkan barisan kumpulan legenda dan sensasi dari Malaysia, Indonesia dan Jepun yang pastinya menghiburkan setiap peminat yang hadir.

Kumpulan yang membuat persembahan termasuk HUJAN, Nice Stupid Playground, Breath in The Ocean dan Fearless iaitu kumpulan Malaysia-Indonesia.

Selain itu, dua kumpulan ikonik dari Indonesia iaitu Kotak dan Gigi. Malah, penampilan kumpulan terkenal dari Jepun, LOUDNESS juga akan menghangatkan lagi pentas utama RITJ 2.0 kelak, ujar wakil Authentic Ideas & Events.

Bagi yang ingin merasai pengalaman konsert rock yang paling epik di Sarawak, jangan lepaskan peluang untuk dapatkan harga promosi RM169 bagi akses satu hari dan RM300 untuk dua hari.

Menariknya, penganjur turut menawarkan harga eksklusif khas untuk pelajar pada harga serendah RM88 sahaja.

"Tiket untuk pelajar ditawarkan dengan harga serendah RM88 sehari dan RM169 untuk akses selama dua hari.

"Tujuan kami adalah untuk memberi peluang kepada

Kukuh semangat perpaduan, patriotisme

KUCHING: Istiadat menaikkan Bendera Ibu Pertiwi yang menjadi simbol kebanggaan tanah air serta lambang perpaduan rakyat Sarawak akan diteruskan dengan penuh istiadat pada 10 Ogos depan di Dataran Pertiwi.

Majlis bulanan yang dijadual bermula jam 8.00 pagi itu disempurnakan oleh Setiausaha Kerajaan Sarawak Datuk Amar Mohamad Abu Bakar Marzuki.

Bendera gergasi Ibu Pertiwi berukuran 25 meter panjang dan 12.4 meter lebar bakal dikibarkan megah pada tiang setinggi 99.4 meter iaitu struktur tertinggi di bandar raya ini yang kini menjadi mercu tanda semangat jati diri warga Kuching yang tidak pernah luntur.

Istiadat akan dimulakan dengan perbarisan Kawalan Kehormatan oleh anggota Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) disusuli dengan nyanyian lagu negeri Sarawak, Ibu Pertiwi.

generasi muda merasai sendiri pengalaman konsert rock berskala besar," jelasnya.

Jangan lepaskan peluang untuk menjadi sebahagian daripada sejarah Rock In

"Acara bulanan ini bukan sahaja menjadi platform menzahirkan rasa cinta dan bangga terhadap negeri, malah mengukuhkan semangat perpaduan serta patriotisme dalam kalangan rakyat bandar raya," kata DBKU menerusi kenyataan yang memetik laporan UKAS.

Menjelang lanjut, istiadat tersebut telah dilaksanakan sejak Julai 2024 selepas diperkenalkan oleh Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

"Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Premier atas dorongan berterusan beliau dalam menyemai nilai murni dalam kalangan rakyat.

"Tradisi ini akan terus diperkasa sebagai lambang keharmonian dan kebanggaan negeri," jelas kenyataan itu lagi.

Sehubungan itu, orang awam dijemput hadir memeriahkan istiadat bersejarah ini pada 10 Ogos nanti.

The Jungle 2.0 kerana tiket adalah terhad. Pembelian tiket boleh dibuat menerusi pautan rasmi <https://tickets.pergh.asia/?ref=R19D38286>.

JUMAAT | 8 Ogos 2025 | 14 Safar 1447H

Platform inovasi serantau

| SYAMIMI HUSNA
suarasarawak.news@gmail.com

KUCHING: Sebanyak 280 penyertaan dari Malaysia, Indonesia dan Arab Saudi berjaya dihindarkan menerusi Ekspo dan Persidangan Antarabangsa Inovasi Borneo (IBIEC) 2025, sekali gus mengukuhkan kedudukan acara itu sebagai antara platform inovasi serantau paling berprestij.

Penganjuran IBIEC 2025 kali ini mengangkat tema Sinergi Inovasi Global: Jambatan Pendidikan, Kecerdasan Buatan dan Teknologi Lestari selari komitmen Sarawak merealisasikan matlamat menjadi peneraju ekonomi hijau dan digital menjelang 2030.

ADUN Tellian, Royston Valentine berkata, pelibatan aktif golongan belia dalam IBIEC 2025 merupakan aset penting dalam membina masa depan negara.

"Penyertaan pelajar sekolah dalam kategori saintis muda membuktikan minat mendalam terhadap bidang STEM. Mereka adalah pewaris pembangunan inovasi yang akan membawa negara kita khususnya Sarawak ke tahap yang lebih tinggi.

"Tambahan lagi, IBIEC 2025 turut menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Lestari

(SDG) khususnya SDG 4: Pendidikan Berkualiti dan SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur, sejajar usaha Sarawak untuk melahirkan generasi celik teknologi dan mesra alam," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada majlis penutupan IBIEC 2025 di Hotel Waterfront, di sini, kelmarin.

Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Shamsuri Abdullah berkata, penganjuran IBIEC turut membuktikan komitmen tinggi institusi pendidikan terhadap pembudayaan inovasi, terutamanya dalam kalangan generasi muda.

"Penyertaan dari Indonesia dan Arab Saudi menunjukkan keyakinan antarabangsa terhadap inisiatif ini. Lebih membanggakan, penyertaan pelajar sekolah juga amat menggalakkan, membuktikan potensi besar yang dimiliki generasi muda dalam bidang sains dan teknologi," katanya.

Daripada keseluruhan penyertaan, sebanyak 62 projek disumbangkan oleh pelajar sekolah rendah dan menengah menerusi kategori Saintis Muda dan Saintis Junior dengan Mukah mencatat jumlah penyertaan



SANTAI...Royston dan tetamu lain berbual mesra dengan Dr. Shamsuri (dua kanan).

tertinggi sebanyak 13 projek, mengatasi daerah lain di Sarawak.

Sebanyak sembilan kategori dipertandingkan merangkumi bidang seperti Produk Hijau, Kejuruteraan, ICT dan Multimedia, Pengajaran dan Pembelajaran, Reka Bentuk Dalaman serta Keusahawanan Sosial.

Kategori Produk Hijau dan Tenaga Boleh Diperbaharui menerima penyertaan tertinggi

iaitu 60 projek diikuti Pengajaran dan Pembelajaran (56), ICT dan Multimedia (34), serta Kejuruteraan dan Elektronik (32).

Politeknik Mukah Sarawak (PMU) selaku tuan rumah bersama memainkan peranan penting dalam menjayakan penganjuran ini bersama Politeknik Negeri Jakarta.

Rakan strategik lain termasuk Pejabat Pendidikan Daerah

Mukah, MRSM Mukah, Kolej Komuniti Miri, Politeknik Manufaktur Bandung, Education Malaysia Indonesia, Sarawak Skills, CENTEXS dan DA Virtual Sdn. Bhd.

Penilaian projek berlangsung dari 9 Jun hingga 8 Julai, manakala sesi pembentangan secara dalam talian diadakan pada 23 Julai lalu sebelum majlis penutupan kelmarin.

Hapus diskriminasi pesakit HIV

| NATASHA ALYAA
(Pelatih UNIMAS)

KUCHING: Sarawak mencatatkan 8.62 kes HIV bagi setiap 100,000 penduduk sepanjang tahun 2024, menurut Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni.

Beliau berkata, walaupun 94 peratus penghidap HIV telah menerima rawatan dan 93 peratus daripada mereka berjaya mencapai tahap penindasan virus, Malaysia masih belum memenuhi sasaran global yang ditetapkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Sasaran WHO ialah 95

peratus disaring, 95 peratus dirawat dan 95 peratus mencapai penindasan virus, namun, kita masih belum mencapai tahap itu," katanya.

Tambah beliau, halangan utama kepada pencapaian itu ialah stigma yang masih kuat dalam masyarakat.

"Stigma menjadi penghalang utama untuk lebih ramai tampil mendapatkan saringan dan rawatan. HIV bukan lagi hukuman mati. Rawatan awal boleh menyelamatkan nyawa dan meningkatkan kualiti hidup," ujarnya.

Bagi mendapatkan gambaran sebenar terhadap persepsi

masyarakat, *Suara Sarawak* menemu bual beberapa individu berkenaan stigma terhadap penghidap HIV, khususnya berkaitan penerimaan dan diskriminasi dalam komuniti.

Chiong Chung Hock, 43, berkata stigma sosial yang masih menebal menjadikan pesakit sukar bersikap terbuka mengenai status mereka.

"Walaupun zaman sudah berubah, ramai dalam masyarakat kita masih mempunyai pandangan negatif terhadap mereka yang menghidap HIV. Ini menyebabkan pesakit takut untuk tampil dan menjalani rawatan secara terbuka," katanya.

Menurutnya, pendidikan awam perlu dipertingkatkan agar masyarakat memahami HIV tidak berjangkit melalui sentuhan biasa dan rawatan yang tersedia kini sangat berkesan.

"Yang penting bukan semata-mata rawatan, tetapi beri kesedaran untuk mencegah penularan HIV," tambah Chiong Chung Hock.

Britney Carol Ingang, 22, turut bersetuju dengan Chiong Chung Hock bahawa stigma terhadap HIV menjadi tekanan psikologi utama bagi pesakit.

"Bagi saya, stigma terhadap HIV sangat membebankan emosi pesakit. Ramai takut dilabel oleh

masyarakat dan ini menjadikan mereka memilih untuk berdiam diri," jelas pelajar dari Betong itu.

Beliau menegaskan keperluan perubahan sikap masyarakat terhadap isu kesihatan ini.

"Masyarakat perlu diberi kesedaran bahawa penghidap HIV berhak untuk dirawat dengan maruah, bukan dijauhi atau dipersalahkan," ujarnya.

Elfreda Rachel Brendan, 22, berpendapat bahawa stigma berpunca daripada tanggapan moral yang salah.

"Orang selalu anggap pesakit HIV dapat jangkitan sebab buat perkara tidak baik, padahal bukan semua macam itu. Ada yang dijangkiti melalui pasangan atau semasa kelahiran," tambahnya.

Beliau berkata pemikiran seperti itu menyukarkan pesakit untuk mendapatkan sokongan.

"Kita kena ubah mentaliti, kalau masyarakat tidak memberi ruang, sampai bila-bila pun pesakit tidak berani tampil ke hadapan," kata Elfreda.

Sementara itu, Muhammad Ar-Rayyan, 25, berkata stigma turut berkait dengan pandangan masyarakat terhadap orientasi seksual.

"Ramai yang melihat HIV ini hanya berkait dengan hubungan sejenis. Ini menyebabkan ramai takut untuk mendapatkan rawatan kerana khuatir disalah anggap oleh masyarakat," jelasnya.



CHIONG CHUNG HOCK



BRITNEY CAROL INGAN



ELFREDA RACHEL BRENDAN



MUHAMMAD AR-RAYYAN

KEJOHANAN TINJU TERBUKA SARAWAK 2025

Lebih 70 petinju akan berentap

| FAIZAL BUJANG

suarasarawak.news@gmail.com

LEBIH 70 petinju akan berentap dalam Kejohanan Tinju Terbuka Sarawak 2025 (Edisi Ke-4) yang akan berlangsung dari 18 hingga 23 Ogos ini di Stadium Tertutup Sri Aman.

Exco Persatuan Tinju Negeri Sarawak (SABA), Gulbudin Hekmateyer Rahman berkata, himpunan petinju yang turut serta dalam kejohanan itu mewakili pelbagai kelab seluruh Sarawak, pusat pembangunan, pusat cemerlang dan pusat elit.

Anatara menyertai kejohanan termasuk petinju dari Semenanjung, Singapura serta Kalimantan Barat, Indonesia.

Menurut Gulbudin, pihaknya menjangkakan kejohanan kali ini lebih menarik dan sengit kerana difahamkan pasukan bertanding terutama dari Semenanjung yang bakal mengetengahkan petinju skuad bayangan untuk persiapan menghadapi temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2026.

"Kejohanan ini merupakan platform terbaik untuk menilai kemampuan petinju dalam negeri.

"Ia juga sebagai persiapan strategik SABA dalam membentuk pasukan tinju yang mantap untuk menghadapi SUKMA 2026 yang akan berlangsung di Selangor," katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat

kejohanan tersebut di Stadium Tertutup Sri Aman semalam.

Kejohanan ini dijangka dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi Dan Pembangunan Bakat Sarawak merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Simanggang, Datuk Francis Harden Anak Hollis, pada 19 Ogos ini.

Enam kategori dipertandingkan pada kali ini, iaitu elit lelaki, elit wanita, remaja lelaki, remaja wanita dan junior lelaki.

Acara berprestij ini dianjurkan oleh SABA dengan kerjasama Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak (MYSED) serta Majlis Sukan Negeri Sarawak (MSNS).

Dijangka berlaku persaingan sengit sepanjang kejohanan itu berlangsung dengan penampilan petinju berpengalaman serta muka bahar, sekali gus mencetus kemeriahan landskap sukan tempatan khususnya di Sarawak.

Presiden SABA, Dato Rahman Lariwo memyuru peminat tinju bukan sahaja di Sri Aman malah seluruh kawasan berdekatan hadir meluangkan masa untuk menyaksikan perlawanan sepanjang kejohanan itu berlangsung kelak.

"Ayuh...sama-sama kita menyaksikan kelibat petinju muda Sarawak yang akan bersemuka dengan petinju handalan dari negeri lain terlibat," tegas beliau.

BOLA BALING TERBUKA SARAWAK 2025



SELESAI... Pemain tiga pasukan terbabit sempat merakam gambar selesai perlawanan persahabatan itu.

Tiga pasukan sertai aksi pemanas bada

PASUKAN Simunjan HC, Serian HC dan Inderapura HC menyertai aksi pemanas badan tiga penjur di Arena Sri Nancy, Simunjan.

Ia sebagai sesi pemanas badan sebelum menyertai Kejohanan Bola Baling Terbuka Sarawak 2025 yang dijadual berlangsung di Arena UNIMAS, Kota Samarahan bermula dari 15 hingga 18 September depan.

Setiasua Persatuan Bola Baling Sarawak (SAHA), Dr Abang Ismail Abang Julhi menyifatkan usaha dilakukan tiga pasukan terbabit amat bertepatan sekali untuk mempersiapkan diri menghadapi kejohanan berprestij berkenaan.

"Langkah yang amat tepat dilakukan kesemua tiga pasukan ini dalam mempersiapkan diri untuk menghadapi kejohanan itu," ujar Dr Abang Ismail kepada Arena Suara Sarawak.

Beliau percaya perlawanan persahabatan itu merupakan landasan terbaik buat jurulatih pasukan terbabit mengenal pasti kelemahan pasukan masing-masing.

"Dengan adanya perlawanan seperti ini dapat meningkatkan prestasi semasa pemain setiap pasukan," menurut beliau.

Kejohanan kali ini menghimpunkan 38 pasukan keseluruhan. Dari jumlah

tersebut, 24 pasukan berentap dalam kategori lelaki bagi merebut Piala Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Dr Abang Johari Tun Openg Edisi Ke-18.

Manakala, 14 lagi pasukan berentap dalam kategori wanita bagi merebut Piala Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi Edisi Ke-13. Tambah Dr Abang Ismail, himpunan pasukan bertanding kali ini mewakili pelbagai kelab handalan seluruh Sarawak, Sabah selain dari Semenanjung.

Hadiah wang tunai RM3,000, RM2,000, RM1,500 dan RM1,000 menanti pasukan yang berjaya muncul juara hingga tempat keempat selain piala dan pingat.

KEJOHANAN CAKERA TERBANG SARAWAK ULTIMATE OPEN

Hornbills Mixed naib juara

PASUKAN Sarawak Hornbills Mixed menamatkan kempen mereka selaku naib juara dalam Kejohanan Cakera Terbang Sarawak Ultimate Open (SUO) 2025 yang berlangsung selama dua hari di Padang C dan D, Petra Jaya, Ahad lalu.

Pasukan itu hanya dipisahkan oleh empat mata apabila tewas 8-12 kepada pasukan pilihan kebangsaan, Malaysia Tapir, dalam perlawanan akhir yang sengit dan penuh semangat kesukanan.

Sebelum mara ke pentas akhir, Hornbills membuka saingan Kumpulan A dengan kemenangan bergaya 11-7 ke atas pasukan Troopers dari Brunei Darussalam. Mereka kemudiannya mengekalkan momentum dengan menundukkan Hawk Tuak 12-3, membenam Disc Knights dari Singapura 13-0, menewaskan Sarawak Airline Mixed 13-2, dan menumpaskan Ultras Ultimate Mixed dari Malaysia dengan keputusan 13-1.

Dalam aksi separuh akhir, pasukan tuan rumah itu mengetepikan cabaran hebat pasukan Sublime dari Australia dengan keputusan 11-9, sekali gus mengesahkan kemaraan ke pentas akhir.

Namun, impian untuk menjulang kejuaraan sulung tidak kesampaian selepas gagal menandingi keampuhan permainan Malaysia Tapir pada perlawanan penentuan.

Pemain Malaysia Tapir, Lau Shi Ji, dinobatkan sebagai Pemain Lelaki Paling Bernilai, manakala anugerah Pemain Wanita Paling Bernilai menjadi milik Joey Lee Kah Ming daripada pasukan Sarawak Maswings.

Sarawak Hornbills Mixed turut membawa pulang gelaran Pasukan Paling Bersemangat, sebagai pengiktirafan terhadap semangat juang dan etika permainan cemerlang yang ditampilkan sepanjang kejohanan.

NICOLE (kiri) dan Kyal Oh (kanan) mendahului carta mata di SUO 2025, masing-masing meraih gelaran Penjaring Terbanyak dan Pembantu Terbanyak.



PASUKAN Sarawak Hornbills Mixed bergambar bersama trofi selepas aksi cemerlang mereka di SUO 2025. (Persatuan Cakera Terbang Sarawak)

Pemain Sublime, Nicole Maher pula muncul selaku Penjaring Terbanyak kejohanan, manakala rakan sepasukannya, Kyal Oh, meraih gelaran Pembantu Terbanyak. Edisi kali ini menghimpunkan

12 pasukan yang terdiri daripada pemain tempatan dan antarabangsa, termasuk wakil dari Kuching, Bintulu, Miri, Sibul, Sabah, Singapura, Brunei Darussalam, Korea Selatan dan Australia.

Turut hadir memeriahkan kejohanan ialah Presiden Persatuan Cakera Terbang Sarawak (SFDA), Eric Ting Tiew Yui yang turut menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

JUMAAT | 8 Ogos 2025 | 14 Safar 1447H

LIGA PERDANA INGGERIS

City lakukan rombakan



FODEN kembali menyerlah dalam kejohanan Piala Dunia Kelab apabila menjaringkan gol menarik ketika menentang Al Hilal, bertekad untuk mengetuai kebangkitan City musim ini. | Foto AFP

PHIL Foden mengakui Manchester City terpaksa melakukan rombakan besar-besaran dengan berbelanja hampir 300 juta pound (RM1.68 bilion) bagi mengembalikan dominasi kelab itu di pentas domestik dan Eropah.

City sudah menandatangani 10 pemain baharu dalam dua jendela perpindahan, termasuk Rayan Cherki dan Tijani Reijnders yang menjadi perhatian utama musim panas ini.

Rombakan ini hadir selepas prestasi hambar musim lalu yang menyaksikan mereka ketinggalan 13 mata di belakang Liverpool, yang muncul juara Liga Perdana Inggeris.

"Sampai satu masa, mana-mana kelab pun perlukan perubahan dan pemain baharu. Pembelian kali ini memang perlu dan pemain yang masuk semuanya berkualiti tinggi," kata Foden.

Musim panas ini menyaksikan beberapa tonggak utama seperti Kevin De Bruyne dan Kyle Walker meninggalkan kelab, sekali gus membuka laluan buat pemain seperti Foden untuk menggalas

lebih tanggungjawab.

"Saya tidak akan cuba tiru apa yang Kev buat. Semua tahu sumbangannya sangat luar biasa. Tetapi saya mahu kembali ke tahap terbaik seperti ketika saya menang Pemain Terbaik musim lalu," katanya.

Foden, yang kembali menyerlah dalam kejohanan Piala Dunia Kelab apabila menjaringkan gol menarik ketika menentang Al Hilal, bertekad untuk mengetuai kebangkitan City musim ini.

Pada masa sama, seorang pemain baharu, Vitor Reis, bakal dipinjamkan ke Girona, manakala beberapa lagi pemain dijangka meninggalkan Etihad sebelum jendela perpindahan ditutup akhir bulan ini.

Pengendali City, Pep Guardiola kini mempunyai 26 pemain dalam latihan utama, dengan tiga lagi cedera menjelang aksi persahabatan pramusim menentang Palermo, Sabtu ini.

Antara yang kembali berlatih ialah Rodri, yang sebelum ini mengalami kecederaan pangkal paha ketika Piala Dunia Kelab di Orlando. - AGENSI

KONTRAK semasa Maguire yang bernilai £190,000 (RM1.07 juta) seminggu akan tamat pada penghujung musim ini.

Maguire terima lima tawaran

PEMAIN pertahanan Manchester United, Harry Maguire dilapor telah menolak lima tawaran perpindahan daripada kelab Liga Perdana Inggeris (EPL) dan Serie A selepas memberi bayangan mahu menamatkan kariernya di Old Trafford.

Menurut laporan, tiga kelab EPL dan dua pasukan Serie A telah menghubungi wakil Maguire, namun diberi bayangan awal bahawa peluang untuk melihat pemain berusia 32 tahun itu meninggalkan Old Trafford musim ini amat tipis.

Kontrak semasa Maguire yang bernilai £190,000 (RM1.07 juta) seminggu akan tamat pada penghujung musim ini, tetapi The Red Devils dijangka akan memulakan rundingan lanjutan dalam masa terdekat.

Meskipun belum ada perbincangan rasmi, sumber menyatakan United berhasrat mengekalkan Maguire, terutama selepas prestasi meyakinkan pemain itu di bawah kendalian Ruben Amorim musim lalu.

Maguire sebelum ini hampir berpindah ke West Ham pada 2023 selepas digugurkan sebagai kapten oleh Erik Ten Hag, namun bangkit sebagai tonggak pertahanan utama Amorim dan turut menjaringkan gol kemenangan dramatik menentang Lyon dalam suku akhir Liga Europa. Bekas pengurus United, Jose Mourinho dan Ole Gunnar Solskjaer yang kini berada di Turki, turut dikaitkan dengan minat membawa Maguire ke Fenerbahce dan Besiktas, manakala Galatasaray, Marseille dan Monaco juga dilaporkan memantau situasi tersebut.

Difahamkan, Maguire berhasrat mengikut jejak legenda seperti Denis Irwin, Bryan Robson dan Steve Bruce yang menjadi watak penting dalam sejarah kelab, selepas dibeli dari Leicester City pada 2019 dengan rekod dunia £80 juta (RM449.28 juta). - AGENSI

Salah tinggalkan Liverpool 2026?

MOHAMED Salah bersedia untuk meninggalkan Liverpool pada musim panas 2026, menurut sumber yang dimaklumkan kepada FootballTransfers.

Salah terlibat dalam rundingan panjang dengan kelab Anfield mengenai kontrak baharu pada penghujung musim, dengan Liverpool cemas memikirkan kemungkinan kehilangan bintang utama mereka secara percuma.

Akhirnya, satu persetujuan dicapai di mana penyerang berusia 33 tahun itu bersetuju menandatangani kontrak dua tahun baharu bersama pasukan kendalian Arne Slot, selepas menikmati kempen terbaik dalam kariernya pada musim 2024/25.

Salah menjaringkan 29 gol dan mencipta 18 bantuan jaringan ketika Liverpool menjuarai Liga Perdana Inggeris (EPL) dengan pemain antarabangsa Mesir itu dianggap menghasilkan salah satu musim individu terbaik dalam sejarah liga tersebut.

Salah telah lama menjadi buruan Liga Pro Saudi dan minat serius terhadapnya muncul awal tahun ini dari rantau Teluk.



MOHAMED SALAH

Menurut sumber FootballTransfers, Salah dijangka meninggalkan Liverpool pada musim panas ini dan berkemungkinan besar akan menerima tawaran daripada kelab Saudi.

Malah, Liverpool membelanjakan lebih daripada €300 juta dalam pasaran perpindahan, sebahagian

besarnya sebagai persediaan untuk pemergian bintang mereka itu.

Salah sebelum ini mengakui dia telah mengadakan perbincangan dengan pegawai Liga Pro Saudi.

Dalam temu bual bersama On Sport ketika meraikan kejuaraan EPL Liverpool pada Mei, Salah mengesahkan perbincangan

dengan pegawai Saudi masih berterusan.

"Saya rasa ada peluang yang baik untuk menyertai Liga Saudi. Saya fikir mungkin akan ke sana jika saya tidak memperbaharui kontrak dengan Liverpool," jelas Salah.

"Hubungan saya dengan orang di sana (Arab Saudi) masih baik dan berterusan. Rundingan serius telah diadakan untuk menandatangani saya."

"Peminat Liverpool juga memainkan peranan dalam proses pembaharuan kontrak, mereka memberikan tekanan kepada pihak pengurusan kerana saya telah berada di kelab ini selama tujuh tahun. Sejak hari pertama, saya tahu mereka mahu saya kekal."

Melainkan berlaku perubahan mendadak, Salah akan meninggalkan Liverpool pada musim panas akan datang sebagai salah seorang legenda terbesar dalam sejarah kelab Anfield dan yang penting, Liverpool akan menerima bayaran perpindahan yang lumayan bagi bintang mereka itu. - Agensi

JDT tampil corak taktikal

JOHOR Darul Ta'zim (JDT) mengakui sukar dan perlu tampil dengan corak permainan berhati-hati apabila beraksi berdepan Selangor FC pada perlawanan sumbangsih merebut Piala Sultan Ahmad Shah yang juga pembuka tirai Liga Super di Stadium Sultan Ibrahim malam ini.

Pengendali kelahiran Sepanyol Xisco Munoz yang mengambil alih tugas Hector Bidoglio bagi membimbing skuad Harimau Selatan bagi musim 2025 dan 2026 itu berkata, amat penting untuk menyesuaikan pendekatan taktikal ampuh selepas mengharungi pramusim yang menakjubkan di Sepanyol, baru-baru ini.

Beliau juga tidak menolak sudah menilai cara permainan skuad The Red Giants bagi membuat persiapan dan akan merancang pendekatan taktikal yang lebih berkesan bagi menghadapi pasukan lawan malah akan tampil dengan taktik yang berbeza namun enggan mendedahkan formasi permainan yang bakal digunakan.

Munoz juga menegaskan kehadiran beberapa pemain warisan seperti Jon Irazabal, Nacho Mendez, Joao Figueiredo dan Hector Hevel menguatkan lagi barisan JDT selain memberi ruang untuk membuat pilihan bagi berdepan skuad kendalian Katsuhito Kinoshi.

"Kami menjalani latihan pramusim



PEMAIN Johor Darul Ta'zim menjalani latihan sebagai persiapan menentang Selangor FC.

yang baik dan meningkatkan corak permainan malah saya juga sudah mengenal pasti kesebelasan utama yang bakal diturunkan untuk menentang Selangor, malam ini. Apa pun saya tidak nafikan untuk memilih 11 pemain utama agak mencabar kerana 33 pemain yang ada memiliki kualiti terbaik.

"Kesemua pemain bersedia untuk diturunkan dalam skuad utama dan ingin saya katakan kepada anda, saya individu yang bernasib baik kerana memiliki pemain yang layak untuk beraksi dalam kesebelasan utama dan itu kelebihan yang ada di dalam JDT.

"Saya tidak nafikan juga aksi

pertama mungkin permainan tidak stabil namun apa yang perlu dilakukan pemain adalah mengawal emosi dan sepanjang minggu ini kami berbincang betapa pentingnya aksi pertama liga dan keperluan untuk mempertahankan piala untuk kali kelapan berturut-turut," katanya.

Kinoshi tampak tenang



PEMAIN Selangor menjalani latihan.

PENGENDALI Selangor FC, Katsuhito Kinoshi tampak tenang untuk berdepan Johor Darul Ta'zim (JDT) pada aksi sumbangsih merebut Piala Sultan Ahmad Shah yang juga pembuka tirai Liga Super di Stadium Sultan Ibrahim, malam ini.

Pengendali kelahiran Jepun itu sedar pengalaman dimiliki JDT di peringkat antarabangsa namun enggan terlalu memikirkan reputasi berkualiti pasukan itu sebaliknya optimis persiapan dilakukan skuad The Red Giants mampu beri cabaran sengit kepada skuad Harimau Selatan.

"Kami tetap menghormati Johor Darul Ta'zim (JDT) kerana mereka mendominasi Liga Malaysia (Liga M) sejak beberapa musim dan ini tugas pertama saya lawan kelab itu.

"Kami akan berusaha untuk hadir dengan impak positif dalam perlawanan itu nanti dengan kehadiran beberapa muka baharu sama ada pemain tempatan dan import. Barisan import yang bersama Selangor kali ini tidak memiliki pengalaman dalam kancah Liga M iaitu Zach Clough, Picha Autra dan Kevin Deeromram.

"Ketiga-tiga pemain itu berpengalaman dan saya tidak risau

mengenai reputasi mereka malah latihan sepanjang enam hingga tujuh minggu menunjukkan persefahaman yang baik dan mula mengadaptasi corak permainan yang dipraktikkan.

"Berhubung aksi menentang Asia Warriors, ia perlawanan latihan dan saya tidak melihat keputusan seri tanpa jaringan beri kesan kepada kami sebaliknya pada aksi itu saya menurunkan kesemua pemain bagi kenal pasti kelebihan dan kelemahan yang ada dalam pasukan," katanya.

Kinoshi berkata, walaupun keputusan agak mengecewakan tapi ia tidak merisaukan malah selepas aksi berkenaan, barisan kejurulatihan melakukan analisis untuk mengenal pasti beberapa kelemahan dan ia dapat diatasi selepas mengadakan aksi persahabatan menentang sebuah kelab profesional dan menang 5-0 dengan corak permainan berintensiti tinggi.

"Untuk menentang JDT... ya begitu mudah untuk berkata bermain dengan melebihi 100 peratus tapi untuk melakukannya agak menyukarkan dan setiap pemain harus ada kekuatan mental yang tinggi dan karektor positif apabila beraksi dalam perlawanan kompetitif," katanya.



KENALI BINTANG KUCHING CITY FC

NAMA PENUH:
Moses Ateade

TARIKH LAHIR:
17 Disember 1997

USIA: **27 Tahun**

KETINGGIAN:
5 kaki 5 inci

ASAL: **Kaduna, Bahrain**

POSISI: **Tengah**

PELIBATAN:
Mula menyertai Kuching City pada 2024.

KELAB TERDAHULU:
**Kedah, Hidd SCC,
Al-Muharraq dan
Sitra Club.**

JADUAL PERLAWANAN LIGA SUPER 2025/26

HARI INI (Jumaat)
JDT Lwn Selangor - 9 mlm

SABTU
Kuching City Lwn Kelantan United
(Stadium Negeri, 8.15 mlm)

Imigresen Lwn KL CITY
5 petang

PDRM Lwn Brunei DPMM
9 mlm

AHAD
Penang Lwn Terengganu
9 mlm

JUMAAT | 8 Ogos 2025 | 14 Safar 1447H

LIGA PREMIER SARAWAK 2025

Senarai pemain Betong diketahui esok

| FAIZAL BUJANG

suarasarawak.news@gmail.com

SESI pemilihan akhir pemain oleh Persatuan Bola Sepak Bahagian Betong (BDFA) akan berlangsung esok (Sabtu) di Kompleks Sukan Betong.

Sehubungan itu, senarai muktamad 26 orang pemain terbaik yang akan menyuarung jersi skuad kendalian Abdul Rahman Sapaiee akan diumumkan.

Presiden BDFA, Abang Suhordie Abang Zaini memberitahu, sesi pemilihan tersebut akan bermula dari pukul 2 hingga 6 petang.

"Esok adalah hari untuk pemilihan terakhir pemain di Kompleks Sukan Betong.

"Pihak kita masih mengalu-alu pemain di sekitar Betong untuk turut serta pada pemilihan itu kelak," ujar Abang Suhordie kepada Arena Suara Sarawak.

Beliau mengakui, sesi pemilihan yang diadakan pada 2 dan 3 Ogos lalu di lokasi sama berjaya mengenal pasti sebahagian pemain yang berpotensi untuk mewakili Bahagian Betong sebagai persiapan bersaing dalam kancuh Liga Premier Sarawak 2025 yang



IMBAS KEMBALI... Abdul Rahman Sapaiee (kiri) memberi taklimat ringkas kepada pemain sebelum bermula sesi pemilihan sebelum ini.

akan bermula hujung September depan.

Menurut Abang Suhordie, pihaknya fokus mencari pemain dari pelbagai peringkat umur sepanjang pemilihan dijalankan.

"Kita percaya ramai lagi pemain dari kawasan ini (Betong) yang berbakat serta mampu menggalas cabaran bersaing dalam liga

kompetitif itu kelak," tambah Abang Suhordie.

Penganjuran Liga Premier Sarawak 2025 bertujuan memperkukuh pembangunan sukan bola sepak di peringkat akar umbi dan mencungkil bakat baharu dari setiap bahagian di Sarawak.

Selain itu, ia juga bertujuan

menghidupkan semula kemeriahan bola sepak di setiap bahagian.

Pelaksanaan liga tersebut merupakan langkah penting untuk menyusun semula struktur bola sepak negeri di samping membuka lebih banyak ruang kepada penyertaan pemain, jurulatih dan penggiat sukan tempatan.

Dua lokasi pemilihan terakhir

SESI pemilihan yang akan berlangsung di padang bola sepak Kampung Sambir, Asajaya dan Stadium Terbuka Kota Samarahan yang dijadual berlangsung Sabtu dan Ahad ini merupakan pentas terakhir bagi Persatuan Bola Sepak Bahagian Samarahan (PBBS) mengenal pasti pemain berbakat.

Presiden PBBS, Mohamad Azri Johari menyatakan, sesi pemilihan pada Sabtu nanti di padang bola sepak Kampung Sambir, Asajaya akan bermula pukul 2 petang.

Sementara itu, sesi pemilihan pada hari Ahad di Stadium Terbuka Kota Samarahan akan bermula pukul 8 pagi.

"Kita menyeru pemain muda atau berpengalaman dari serata kawasan ini (Kota Samarahan) untuk mengikuti sesi pemilihan yang akan diadakan dua hari itu nanti," ujar Azri kepada Arena Suara Sarawak. Hujung minggu lepas (2 & 3 Ogos) telah berlangsung sesi pemilihan pemain di dua lokasi berbeza iaitu Stadium Simunan dan padang Sekolah Kebangsaan (SK) Pendam, Sadong Jaya.

Azri mengakui, terdapat pemain berpotensi untuk ketengahkan bagi pembentukan skuad sebagai persiapan menghadapi kempen Liga Premier Sarawak 2025.

"Kita berharap sesi pemilihan hujung minggu ini dapat memberi peluang untuk mengenal pasti pemain berbakat di kawasan sekitar yang terlibat," tambah Azri.

Dalam pada itu, Azri menyatakan, pihaknya akan memuktamadkan senarai pemain yang akan menyuarung jersi skuad Samarahan selesai kesemua sesi pemilihan itu kelak.

"Kita akan dapat mengetahui senarai pemain yang akan diberi kepercayaan mewakili Samarahan sebaik selesai sesi pemilihan itu nanti," tambahnya. Sambil itu, beliau turut memberitahu, tarikh untuk memulakan sesi latihan penuh membabitkan pemain juga akan diumumkan selepas ini.

"Besarnya kemungkinan sesi latihan penuh akan bermula minggu depan, lokasinya akan kita umumkan kelak," kata Azri.

CABARAN MUAY THAI NAO 2025

Pertembungan dramatik atlet handalan

SERAMAI 100 orang atlet Muay Thai akan berentap dalam Cabaran NAO yang dijadual berlangsung di Stadium Muay Thai NAO Nasi Abe Kota Samarahan pada hari ini hingga esok (8 & 9 Ogos).

Kejohanan ini anjuran bersama Kelab Muay Thai Kenyalang (MTK), Nasi Abe Original, Persatuan Muaythai Kuching, Persatuan Muaythai Samarahan dan NAO Pro Fight.

Beberapa kategori berat dipertandingkan seperti amatir, semi profesional dan profesional.

Bakal mencuri tumpuan, empat perlawanan melibatkan kategori profesional yang menyaksikan pertembungan wakil Kelab Muay Thai Kenyalang (MTK).

Saingan kategori terbabit yang menyaksikan Adek akan menentang Syeed (War 15), Aiman berdepan Kilat (Sting), Razie menentang Nuno

(Sting) dan Adzrif menanti Danish (Legacy).

Tidak kurang menariknya pertembungan untuk kategori Semi Profesional yang mempertemukan Ahmad Shahrizal Wafi (Legacy) dan Ahmad Shahrizal Wafi (Legacy). Manakala, Mohammad Amiruz (DMT X RENTAP) berdepan Aizan Danish (MTK).

Pengunjung juga akan disajikan pertembungan istimewa melibatkan Jeffrison (MTK) dan Mokhairyl Aminuddin (Sting).

Kejohanan ini merupakan kesinambungan kepada Cabaran NAO yang dianjurkan pada Julai lepas juga di gelanggang sama, sebagai platform untuk memperkasakan oembangunan sukan muay thai khususnya di Bahagian Samarahan.

Presiden Persatuan Muay Thai Negeri Sarawak (PMNS), Jumaat

Ibrahim menyifatkan inisiatif diambil oleh pihak kelab Muay Thai Kenyalang, Nasi Abe dan jawatankuasa penganjur kejohanan ini sangat amat bertepatan zekali.

Menurut Jumaat, ia secara tidak langsung dapat membantu persatuan mengangkat lagi mutu sukan muaythai.

"PMNS mengucapkan syabas kepada jawatankuasa penganjur atas komitmen berterusan dalam menganjurkan kejohanan seperti ini.

"Sermemangnya ia sangat penting bagi kita untuk mencungkil atlet baharu yang boleh diketengah untuk mewakili Sarawak pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2026 kelak," ujar Jumaat.

Beliau turut berterima kasih Perbadanan Sukan Sarawak (SSC) dan Majlis Sukan Negeri Sarawak (MSNS) atas sokongan berterusan terhadap semua program anjuran

BAKAL MENCURI TUMPUAN...
Antara sebahagian atlet yang akan berentap.



PMNS.

Sesi timbang akan diadakan hari ini (Jumaat), manakala perlawanan amatir berlangsung bermula dari jam 9 pagi hingga 6 petang ini.

Untuk susun atur jadual perlawanan esok pula menyaksikan perlawanan membabitkan kategori semi profesional dan profesional bermula dari pukul 8 malam.

JDT TAMPIL LEBIH GARANG

JUARA 11 kali berturut-turut Liga Super, Johor Darul Ta'zim (JDT) dilihat memiliki kelebihan menyeluruh untuk menundukkan Selangor FC dalam aksi Piala Sumbangsih merebut Piala Sultan Haji Ahmad Shah di Stadium Sultan Ibrahim, malam ini (9 malam).



» 22



SUARA SARAWAK

PANASKAN BADAN... Pemain JDT dan Selangor FC ketika sesi latihan sebagai persiapan bagi menghadapi aksi Piala Sumbangsih, malam ini (9 malam).

arena

23

LIGA PREMIER SARAWAK 2025

SENARAI PEMAIN BETONG DIKETAHUI ESOK

21

MAGUIRE TERIMA LIMA TAWARAN